Terdapat di: <https://www.epu.gov.my/sites/default/files/2021-02/rangka-tindakan-blueprint-ekonomi-digital-Malaysia.pdf>



siber dan 30,000 profesional data melalui program 'upskilling' profesional.

- **Menyiapkan tenaga kerja masa hadapan untuk ekonomi digital.** Pada tahun 2020, KPM melancarkan platform pembelajaran dalam talian nasional, DELIMa, dengan Google, Microsoft dan Apple. Lebih daripada 10,000 sekolah, 370,000 guru dan 2.5 juta pelajar telah mendaftar di platform DELIMa, yang membolehkan pelajar dan guru mengakses alat digital, seperti Google Classroom, Microsoft 365 dan Apple Teacher Learning Centre.⁸⁹ Melalui perkongsian awam-swasta, KPM merancang untuk melaksanakan pelbagai inisiatif yang komprehensif dari 2021 hingga 2030 untuk mengatasi penggunaan rendah teknologi di dalam

kelas dan memperkenalkan pemikiran komputasi dalam kurikulum pendidikan. Contohnya, KPM memperkenalkan program "My Device" untuk membekalkan pelan data dan peranti digital kepada setiap pelajar sekolah menjelang 2025.⁹⁰ Para guru juga akan menerima latihan perkembangan profesional untuk melengkapi mereka dengan kemahiran digital untuk mendorong mereka mengintegrasikan teknologi digital dalam pedagogi pengajaran masing-masing sebagai sebahagian daripada program "My Digital Teacher".

- **Memperluas peluang kemahiran digital kepada komuniti yang kurang dilayani.** MEDAC sedang mengembangkan platform sehenti dalam talian yang menyediakan maklumat dan perkhidmatan untuk mengembangkan perniagaan dalam talian dalam kalangan kumpulan rentan, seperti B40 (iaitu rakyat Malaysia yang pendapatan isi rumahnya berkurang kepada bawah 40 peratus), wanita, dan orang kurang upaya.⁹¹ Platform ini bukan sahaja menyediakan maklumat dalam talian mengenai prosedur pendaftaran perniagaan dan program bantuan kerajaan yang tersedia, tetapi juga menyediakan bimbingan dan program literasi kewangan yang diperlukan untuk memulakan atau mengembangkan perniagaan dalam talian untuk membantu kumpulan rentan menjadi usahawan digital. Melalui inisiatif ini, kerajaan berhasrat membantu 875,000 PMKS terlibat dalam e-dagang menjelang 2025.

Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa cabaran berkaitan dengan tenaga kerja dan kemahiran di Malaysia. Pada tahun 2020, Perbadanan Data Antarabangsa mendedahkan bahawa lebih daripada 87 peratus organisasi di Malaysia tidak mempunyai bakat yang mencukupi untuk memenuhi keperluan ekonomi digital.⁹² Walaupun kekurangan bakat dalam industri, graduan tidak dapat mengisi jawatan-jawatan terbuka

89. New Straits Times (2020), "#TECH: KPM launches DELIMA [#TECH: KPM melancarkan DELIMA]". Terdapat di: <https://www.nst.com.my/lifestyle/bots/2020/06/600934/tech-moe-launches-delima#:~:text=DELIMA%20or%20Digital%20Educational%20Learning,with%20Google%2C%20Microsoft%20and%20Apple,&text=Called%20DELIMA%2C%20Digital%20Educational,with%20Google%2C%20Microsoft%20and%20Apple>

90. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (2018), Malaysia Digital Economy Blueprint [Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia]. Terdapat di: <https://www.epu.gov.my/sites/default/files/2021-02/rangka-tindakan-blueprint-ekonomi-digital-Malaysia.pdf>

91. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (2018), Malaysia Digital Economy Blueprint [Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia]. Terdapat di: <https://www.epu.gov.my/sites/default/files/2021-02/rangka-tindakan-blueprint-ekonomi-digital-Malaysia.pdf>

92. The Edge Markets (2020), "Econ 4.0: Trying times for talent? [Ekonomi 4.0: Masa yang mencabar untuk bakat?]". Terdapat di: <https://www.theedgemarkets.com/article/econ-4-0-trying-times-talent>



ini. Pengangguran dalam kalangan siswazah terus meningkat sejak 2016, meningkat sebanyak 17 peratus dari 2016 hingga 2019.⁹³ MOHR mengaitkan kegagalan mendapatkan pekerjaan kepada kekurangan kemahiran lembut dalam kalangan siswazah.⁹⁴ Secara khususnya, 48 peratus PKS di Malaysia memetik kekurangan kemahiran interpersonal, penyelesaian masalah, dan pemikiran kritis dalam kalangan pencari kerja.⁹⁵ Oleh itu, Malaysia boleh melangkah lebih jauh untuk mengatasi jurang kemahiran digital dan meningkatkan keupayaan digital tenaga kerja semasa dan masa hadapan:

- **Memberikan insentif untuk mengalihkan pemikiran majikan ke arah 'upskilling' pekerja yang sedia ada sebagai keutamaan.** Tinjauan Randstad Workmonitor yang dilakukan pada bulan Mac 2020 menunjukkan bahawa 87 peratus responden di Malaysia melihat keperluan untuk memperoleh kemahiran baharu untuk menyertai dalam ekonomi digital.⁹⁶ Walaubagaimanapun, hanya 63 peratus melaporkan bahawa majikan mereka memberikan latihan kemahiran digital untuk memanfaatkan teknologi digital dan meningkatkan

produktiviti di tempat kerja.⁹⁷ Kajian lain juga mendapati bahawa untuk memaksimumkan keuntungan, majikan enggan melabur untuk melatih para pekerja mereka dan pakar industri berkata bahawa "bakat dibawa dari organisasi luar tetapi tidak dikembangkan secara dalaman kerana ini dapat mengurangkan kos pembelajaran".⁹⁸ Jadi, terdapat keperluan untuk mengubah pemikiran syarikat dan para pekerja ke arah 'upskilling' digital. Khususnya, daripada bergantung kepada pengambilan calon luar atau penyumberan luar kemampuan IT mereka, terdapat keperluan untuk beralih ke arah perspektif "melatih sebagai jalan pertama" (iaitu 'upskilling' pekerja yang sedia ada sebagai keutamaan berbanding dengan pemecatan dan pengambilan pekerja, atau penyumberan luar). Untuk berbuat demikian, Malaysia boleh meneroka perkembangan insentif bagi syarikat untuk mengembangkan dan menggunakan bakat digital dalaman. Firma di Malaysia boleh mendapat manfaat daripada bantuan teknikal dalam perancangan tenaga kerja dan pengembangan kemahiran digital yang disesuaikan dengan

93. The Edge Markets (2020), "DOSM: Joblessness among graduates rose to 3.9% in 2019 [DSOM: Pengangguran dalam kalangan siswazah meningkat kepada 3.9% pada tahun 2019]". Terdapat di: [https://www.theedgemarkets.com/article/dosm-joblessness-among-graduates-rise-39-2019#:~:text=DOSM%3A%20Joblessness%20among%20graduates%20rose%20to%203.9%25%20in%202019,-Joyce%20Goh&text=KUALA%20LUMPUR%20\(july%2016\)%3A,we're%20outside%20the%20labour%20force](https://www.theedgemarkets.com/article/dosm-joblessness-among-graduates-rise-39-2019#:~:text=DOSM%3A%20Joblessness%20among%20graduates%20rose%20to%203.9%25%20in%202019,-Joyce%20Goh&text=KUALA%20LUMPUR%20(july%2016)%3A,we're%20outside%20the%20labour%20force).

94. The Rakyat Post (2020), "HR Deputy Minister Says M'sian Graduates' Lack of Soft Skills & Selective Nature Reasons Why They Fail To Secure Jobs [Timbalan Menteri Sumber Manusia Mengatakan Kekurangan Kemahiran Lembut & Sikap Memilih Lulusan Malaysia Adalah Sebab Mereka Gagal Mendapat Pekerjaan]". Terdapat di: <https://www.therakyatpost.com/2020/09/15/hr-deputy-minister-says-msian-graduates-lack-of-soft-skills-selective-nature-reasons-why-they-fail-to-secure-jobs/>

95. Huawei (2018), Accelerating Malaysian Digital SMEs: Escaping the Computerisation Trap [Mempercepat PKS Digital Malaysia: Mengelak daripada Perangkap Pengkomputeran]. Terdapat di: <https://www.huawei.com/minsite/accelerating-malaysia-digital-smes/img/sme-corp-malaysia-huawei.pdf>

96. The Malaysia Reserve (2020), "87% workers willing to be re-trained to ensure employability [87% pekerja bersedia untuk dilatih semula untuk menjamin pekerjaan]". Terdapat di: <https://themalaysianreserve.com/2020/07/06/87-workers-willing-to-be-re-trained-to-ensure-employability/>

97. Randstad (2020), "89% of Malaysians need to upskill to work in a digital environment: Randstad Workmonitor Research [89% rakyat Malaysia perlu mahir untuk bekerja dalam persekitaran digital: Randstad Workmonitor Research]". Terdapat di: <https://www.randstad.com.my/about-us/news/89-of-malaysians-need-to-upskill-to-work-in-a-digital-environment-randstad-workmonitor-research/>

98. Chartered Institute of Personnel and Development (2019), The future of talent in Malaysia 2035 [Masa hadapan bakat di Malaysia pada tahun 2035]. Terdapat di: https://www.cipd.asia/images/future-of-talent-malaysia-report_tcm23-53251.pdf



keperluan pekerja mereka, seperti program "Digital Skills Bridge" (Jambatan Kemahiran Digital) di Luxembourg yang dilancarkan oleh Kementerian Tenaga Kerja, Pekerjaan dan Ekonomi Sosial dan Solidariti. Program ini memberikan contoh positif tentang cara syarikat dapat disokong dalam perancangan tenaga kerja dan latihan kemahiran digital untuk pekerja mereka (rujuk Kotak 5).

- Meningkatkan tumpuan "kemahiran lembut" untuk melengkapkan pendidikan teknikal.**

Walaupun Malaysia telah berusaha secara signifikan untuk memperkuat kemampuan teknikal digital tenaga kerja masa hadapannya, ia juga amat penting untuk mementingkan perkembangan kemahiran lembut pelengkap untuk era digital, seperti pemikiran kritis, kemahiran interpersonal, dan penyelesaian masalah.⁹⁹ Kajian telah menunjukkan bahawa kemahiran manusia intrinsik akan bertambah penting apabila teknologi menggantikan tugas fizikal.¹⁰⁰ Contoh sistem pendidikan yang berhasrat memupuk kemahiran ini adalah negara Finland, yang telah menduduki tempat pertama

dalam 'Indeks Pendidikan Global untuk Masa Hadapan' The Economist pada tahun 2019 untuk keberkesanan negara ini menyediakan pelajarnya untuk tuntutan alam kerjaya dan kehidupan dalam sebuah landskap yang pantas berubah.¹⁰¹ Finland memperkenalkan konsep "pengajaran dan pembelajaran berasaskan fenomena" (PBL) kepada kurikulum sekolah pada tahun 2017. Ditujukan untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran berfikiran kritis, pelajaran PBL adalah peralihan daripada belajar dalam silo, kepada pembelajaran pelbagai disiplin iaitu pelajar belajar mengenai topik dunia (misalnya perubahan iklim) secara holistik. Pelajar juga terlibat dalam merancang pelajaran ini dan menilai perkara yang mereka pelajari daripada pelajaran tersebut.¹⁰² Dengan memansuhkan pembahagian pengetahuan berdasarkan subjek, pembelajaran berdasarkan fenomena boleh menerokai fenomena merentas batasan sesebuah subjek. Pendekatan ini dapat digunakan untuk mengembangkan kemahiran yang sering bersilang antara satu sama lain, seperti penyelesaian masalah dan komunikasi dan kolaborasi digital.

99. Microsoft dan IDC (2019), "Microsoft-IDC study: Artificial Intelligence to nearly double the rate of innovation in Asia Pacific by 2021 [Kajian Microsoft-IDC: Kecerdasan Buatan hampir menggandakan kadar inovasi sebanyak dua kali ganda di Asia Pasifik menjelang 2021]."

Terdapat di: https://news.microsoft.com/apac/2019/02/20/microsoft-idc-study-artificial-intelligence-to-nearly-double-the-rate-of-innovation-in-asia-pacific-by-2021/#_ftnref1

100. Institusi Global McKinsey (2017), *A future that works: Automation, employment, and productivity* [Masa depan yang berfungsi: Automasi, pekerjaan, dan produktiviti].

Terdapat di: <https://www.mckinsey.com/~media/mckinsey/featured%20insights/Digital%20Disruption/Harnessing%20automation%20for%20a%20future%20that%20works/MGI-A-future-that-works-Executive-summary.aspx>

101. The Economist (2019), "The Worldwide Educating for the Future Index 2019 [Indeks Mendidik Untuk Masa Hadapan Seluruh Dunia 2019]."

Terdapat di: https://educatingforthefuture.economist.com/?utm_source=PR&utm_medium=Perspectives&utm_campaign=YidanPrize

102. Sumber termasuk: World Economic Forum (2017), "Is this Finnish school the perfect design? [Adakah sekolah Finland ini adalah reka bentuk yang sempurna?]" Terdapat di: <https://www.weforum.org/agenda/2017/10/why-finland-is-tearing-down-walls-in-schools/>; David Tay (2017), "Finn and fun: lessons from Finland's new school curriculum [Finn dan keseronokan: pelajaran dari kurikulum sekolah baharu Finland]". The Straits Times. Terdapat di: <https://www.straitstimes.com/singapore/education/finn-fun>

KOTAK 5.

MERAPATKAN JURANG KEMAHIRAN DIGITAL DI LUXEMBOURG MELALUI BANTUAN PERANCANGAN TENAGA KERJA DAN LATIHAN DAN SOKONGAN KERJAYA YANG DISESUAIKAN

Kementerian Tenaga Kerja, Pekerjaan dan Ekonomi Sosial dan Solidariti Luxembourg melancarkan program “Digital Skills Bridge” (Jambatan Kemahiran Digital) antara tahun 2018 dan 2019 untuk memberi syarikat bantuan teknikal dalam perkembangan kemahiran digital yang disesuaikan dengan keperluan pekerja mereka. Pekerja yang mempunyai pekerjaan yang berubah disebabkan transformasi digital mendapat latihan mengenai kecekapan digital yang penting, dan nasihat kerjaya daripada jurulatih peribadi yang menyokong mereka sepanjang proses ‘upskilling’ untuk mempersiapkan keperluan kemahiran pada masa hadapan dalam posisi mereka sekarang atau apabila beralih ke posisi baharu.¹⁰³ Semasa percubaan pertama yang dilancarkan pada Mei 2018, 11 syarikat dan 330 pekerja mengambil bahagian dalam program ini, dan 90 peratus kakitangan berjaya beralih ke tugas bernilai tinggi, mengurangkan masa kerja mereka atau beralih ke peranan pekerjaan yang diinginkan dalam syarikat itu.¹⁰⁴



Photo Source: <https://adem.public.lu/en/employeurs/futureskills/projet-pilote.html>

103. Kerajaan Luxembourg (2020), “The 2018-2019 “Luxembourg Digital Skills Bridge” pilot project [Projek perintis “Jambatan Kemahiran Digital Luxembourg” 2018-2019]”. Terdapat di: <https://adem.public.lu/en/employeurs/futureskills/projet-pilote.html>

104. Suruhanjaya Eropah (2019), Jambatan Kemahiran Digital Luxembourg. Terdapat di: <https://ec.europa.eu/social/BlobServlet?docId=21806&langId=en>

2.4 TONGGAK 3: MEMBANGUNKAN PERSEKITARAN YANG KONDUSIF UNTUK PERDAGANGAN DIGITAL

Akhirnya, supaya Malaysia dapat memanfaatkan peluang ekonomi yang diberikan oleh teknologi digital sepenuhnya, ia adalah penting bahawa perniagaan dan organisasi dapat memaksimumkan penggunaan platform digital untuk mengeksport produk dan perkhidmatan mereka pada peringkat global. Kajian yang dijalankan oleh AlphaBeta dan Yayasan Hinrich pada masa yang lalu mencerminkan bahawa eksport digital (merangkumi eksport barang dan perkhidmatan yang didayakan secara digital) menyumbang kira-kira empat peratus daripada jumlah nilai eksport negara pada tahun 2017, dan berpotensi berkembang sebanyak 298 peratus menjelang 2030.¹⁰⁵ Untuk mempromosikan peluang perdagangan digital, Malaysia telah memberikan tumpuan yang kuat terhadap tindakan-tindakan berikut:

- **Mengambil bahagian dalam perjanjian antarabangsa yang mempromosikan perdagangan digital.** Di bawah Teras Dua (iaitu meningkatkan daya saing ekonomi melalui digitalisasi) "MyDIGITAL", Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) berhasrat memacu langkah pembangunan ekonomi digital pada peringkat serantau untuk memudahkan perdagangan dan pelaburan rentas sempadan serta mengurangkan halangan untuk perniagaan beroperasi, terutamanya bagi PMKS. Kerajaan

Malaysia kini terlibat dalam beberapa perjanjian perdagangan dua hala dan pelbagai hala. Contohnya, pada tahun 2018, kerajaan telah menandatangi CPTPP yang bertujuan untuk membina kepercayaan dan keyakinan terhadap penggunaan perdagangan elektronik merentasi sempadan antara 11 negara (yang secara kolektif menyumbang sebanyak 13 peratus daripada KDNK global).¹⁰⁶ Namun, kerajaan masih belum memutuskan sama ada Malaysia akan meratifikasi perjanjian tersebut dan dengan itu, perjanjian tersebut belum lagi berkuat kuasa dalam negara.¹⁰⁷ Malaysia juga terlibat dalam perundingan "Inisiatif Pernyataan Bersama" mengenai e-dagang antara anggota Organisasi Perdagangan Dunia (WTO), yang akan menetapkan garis dasar untuk perdagangan digital global.¹⁰⁸ Hasil rundingan ini boleh memberikan implikasi penting untuk perkembangan e-dagang pada masa hadapan, termasuk menangani masalah pengawalseliaan sensitif, seperti privasi dan perlindungan data peribadi dan keselamatan siber, serta objektif perindustrian untuk ekonomi digital.¹⁰⁹ Penyertaan Malaysia adalah penting memandangkan banyak ekonomi baru muncul telah memilih untuk tidak melibatkan diri dalam rundingan ini, dengan menyatakan pilihan untuk terlebih dahulu

105. Barang dan perkhidmatan yang didayakan secara digital merujuk kepada barang yang dieksport melalui platform e-dagang dan muat turun aplikasi telefon pintar yang dikembangkan secara domestik, serta perkhidmatan telekomunikasi dan iklan video dalam talian dari luar negara. Hinrich Foundation dan AlphaBeta (2018), *The data revolution: How Malaysia can capture the digital trade opportunity at home and abroad* [Revolusi data: Bagaimana Malaysia dapat merebut peluang perdagangan digital di dalam dan luar negara]. Terdapat di: https://research.hinrichfoundation.com/hubfs/Digital%20Trade%20Project/malaysia-hinrich-foundation-digital-trade-report.pdf?_hfp=85913225&_hsc=21652889.2.1615816368461&_hstc=251652889.93064ee0561399750d048f46d468959.1615816368460.1615816368460.1615816368460.1

106. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Malaysia. "Trans-Pacific Partnership Agreement (TPP) & Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (CPTPP) [Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) & Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP)]." Terdapat di: <https://ita.miti.gov.my/index.php/pages/view/71>

107. Sumber termasuk: Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (2020), "Ratification of CPTPP can help Malaysia be more competitive, says IDEAS [Ratifikasi CPTPP boleh membantu Malaysia untuk menjadi lebih berdaya saing, kata IDEAS]". Terdapat di: <https://www.mida.gov.my/mida-news/ratification-of-cptpp-can-help-malaysia-be-more-competitive-says-ideas/#:~:text=Malaysia%20has%20signed%20the%20CPTPPexpressed%20its%20interest%20to%20join,&text=%E2%80%9CMalaysia%27s%20negotiators%20struck&20a%20good,now%20be%20ratified%20and%20implemented;> The Edge Markets (2020), "Azmin: Malaysia to address sensitive issues before deciding on CPTPP ratification [Azmin: Malaysia akan menangani masalah sensitif sebelum memutuskan ratifikasi CPTPP]". Terdapat di: <https://www.theedgemarkets.com/article/azmin-malaysia-address-sensitive-issues-deciding-cptpp-ratification>

108. Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (2020), *What is at stake for developing countries in trade negotiations on e-commerce? [Apakah risiko yang dihadapi oleh negara-negara membangun dalam rundingan perdagangan e-dagang?] The case of the Joint Statement Initiative*. Terdapat di: https://unctad.org/system/files/official-document/ditctncd2020d5_en.pdf

109. Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (2021), *What is at stake for developing countries in trade negotiations on e-commerce? [Apakah risiko yang dihadapi oleh negara-negara membangun dalam rundingan perdagangan e-dagang?]* Terdapat di: https://unctad.org/system/files/official-document/ditctncd2020d5_en.pdf

membangunkan kemampuan peraturan dan institusi domestik mereka untuk mencapai objektif pembangunan dalam ekonomi digital.¹¹⁰

- **Membangunkan platform digital untuk menyokong PKS dalam merebut peluang perdagangan digital.** Pada tahun 2017, Kerajaan Malaysia telah melancarkan inisiatif "Zon Perdagangan Bebas Digital" (DFTZ) untuk memudahkan e-dagang rentas sempadan dan memperluaskan akses pasaran global untuk PMKS. DFTZ menyediakan zon fizikal dan maya yang bertujuan untuk memudahkan PMKS supaya memanfaatkan pertumbuhan ekonomi digital dan aktiviti e-dagang rentas sempadan. Zon-zon tersebut terdiri daripada tiga komponen: Hab e-Penunaian yang mengoptimumkan pelepasan sempadan dan mengurangkan masa pengendalian sebanyak 50 peratus melalui penggunaan kenderaan berpandu automatik untuk menyusun, menyimpan dan membalut bungkusan;¹¹¹ Hab Perkhidmatan Satelit yang menghubungkan PKS dengan rangkaian rakan ekosistem yang menawarkan perkhidmatan seperti pembiayaan, pemenuhan jarak jauh, insurans, dan lain-lain untuk memudahkan perdagangan rentas sempadan;¹¹² dan platform e-Perkhidmatan yang membolehkan syarikat mengurus semua proses yang berkaitan dengan penghantaran ke luar negara dengan lebih efisien seperti perolehan, proses menandatangani kontrak, pelepasan kastam, dan pengurusan pengedaran dalam talian. Lebih-lebih lagi, DFTZ memberikan perkhidmatan "Pemasaran Pintar" yang bertujuan untuk membantu mempromosikan produk domestik kepada pembeli global, termasuk melancarkan "Malaysian Pavilion" secara khusus di platform e-dagang, Alibaba.com.¹¹³ Tambahan pula, Program e-TRADE 2.0 yang dijalankan oleh Perbadanan Pembangunan

Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) adalah merupakan inisiatif lain yang bertujuan untuk mempercepat eksport melalui platform e-dagang rentas sempadan. Program ini memberikan geran kepada perniagaan yang sedang giat melakukan pemasaran digital, menyertai latihan e-dagang dan platform e-dagang.¹¹⁴

- **Membangunkan persekitaran digital yang dipercayai dan selamat untuk memudahkan pemindahan data rentas sempadan.** Dengan peningkatan eksponensial dalam jumlah data yang bergerak melintasi sempadan geografi untuk menyokong perkhidmatan yang didayakan secara digital, pembangunan mekanisme untuk memudahkan pemindahan data secara selamat



110. Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (2021), "Developing countries and trade negotiations on e-commerce [Negara membangun dan rundingan perdagangan mengenai e-dagang]". Terdapat di: <https://unctad.org/news/developing-countries-and-trade-negotiations-e-commerce>

111. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (2018), About Digital Free Trade Zone [Mengenai Zon Perdagangan Bebas Digital]. Terdapat di: https://www.miti.gov.my/miti/resources/Media%20Release/Fact_Sheet_DFTZ_at_Malaysia_Digital_Economy_2018_SME_Fact_Sheet.pdf

112. Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (2021), "Digital Free Trade Zone (DFTZ) [Zon Perdagangan Bebas Digital]. Terdapat di: <https://www.matrade.gov.my/en/digital-free-trade-zone-dftz>

113. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (2018), About Digital Free Trade Zone [Mengenai Zon Perdagangan Bebas Digital]. Terdapat di: https://www.miti.gov.my/miti/resources/Media%20Release/Fact_Sheet_DFTZ_at_Malaysia_Digital_Economy_2018_SME_Fact_Sheet.pdf

114. Digital News Asia (2021), "Matrade announces second eTrade programme to assist Malaysian SMEs [Matrade mengumumkan program eTrade kedua untuk membantu PKS Malaysia]". Terdapat di: <https://www.digitalnewsasia.com/digital-economy/matrade-announces-second-etrade-programme-assist-malaysian-smes>

merentasi sempadan adalah kunci untuk mengurangkan kemungkinan penipuan. Untuk membina persekitaran digital yang dipercayai dan selamat (Teras Keenam “MyDIGITAL”), Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) dan MITI bekerjasama dalam inisiatif bersama untuk mengkaji semula peraturan pemindahan data rentas sempadan sedia ada seperti yang didapati dalam Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) menjelang 2025.¹¹⁵

Walaupun Malaysia telah berusaha untuk memudahkan peluang perdagangan digital untuk industri ini, Malaysia boleh mempertimbangkan tindakan-tindakan berikut untuk mendorong penyertaan yang lebih besar dalam perdagangan digital di rantau ini dan menganjurkan aliran data rentas sempadan:

- **Meratifikasi CPTPP untuk meningkatkan daya saing ekonomi.** Pertimbangan segera adalah dengan meratifikasi CPTPP, terutamanya kerana perjanjian tersebut sesuai dengan pendirian Malaysia mengenai pemerintahan, ketelusan dan kebolehtentuan. Menurut institut penyelidikan bukan untung yang berpusat di Malaysia, Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS), langkah meratifikasi CPTPP memberi peluang kepada Malaysia untuk memperkuuhkan proses pemulihan ekonomi pasca COVID-19; khususnya, ia menganggarkan bahawa pelaksanaannya dapat meningkatkan KDNKnya lebih daripada MYR14bilion, dan mencipta 140,000 pekerjaan.¹¹⁶ Kesan ekonomi positif ini boleh berlaku melalui tiga saluran. Pertama, sebagai perjanjian perdagangan bebas untuk ekonomi utama di seluruh dunia, ia boleh merangsang peningkatan perdagangan dan pelaburan tanpa menimbulkan tekanan fiskal tambahan di Malaysia. Kedua, semasa wabak COVID-19, ratifikasi CPTPP berpotensi

membuka akses bagi perniagaan di Malaysia ke pasar serantau untuk barang dan perkhidmatan, dan meningkatkan daya tahan rantaian bekalan terhadap kejutan pada masa hadapan. Ketiga, dengan adanya peruntukan perdagangan digital, CPTPP dapat mempromosikan peralihan Malaysia ke 4IR dan mempercepat digitalisasi industri, yang dapat membantu merangsang pertumbuhan ekonomi.

- **Menajarkan dengan kerangka kerja antarabangsa untuk mempromosikan interoperabiliti.** Untuk mempromosikan interoperabiliti antara pelbagai rejim dan menjaga kepercayaan dalam ekonomi digital, peraturan yang jelas dan konsisten dapat melindungi privasi data dan menyokong kegiatan ekonomi rentas sempadan. Langkah pertama yang berguna adalah untuk menjajarkan Malaysia dengan kerangka kerja antarabangsa seperti “Rangka Kerja Privasi APEC (Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik)” dan piawai Organisasi Antarabangsa bagi Standardisasi (ISO), seperti ISO27018 yang menentukan kawalan untuk melindungi data peribadi.¹¹⁷ Malaysia juga boleh berusaha untuk menjadi pemimpin serantau dalam privasi data dengan menyertai Sistem Peraturan Privasi Merentas Sempadan APEC (CBPR), pensijilan privasi data yang disokong oleh kerajaan yang memerlukan syarikat yang mengambil bahagian untuk mengembangkan dan melaksanakan dasar privasi data yang konsisten dengan “Rangka Kerja Privasi APEC”.¹¹⁸
- **Mempromosikan agenda perdagangan digital serantau.** Berlatarbelakangkan peningkatan seruan untuk menyelaraskan piawaian data, urus tadbir data, dan rangka kerja perlindungan data, Malaysia boleh menggalakkan rakan dagangan serantau untuk bersama menyelaraskan perbezaan dalam amalan pengawalseliaan, mengurangkan halangan

115. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (2018), *Malaysia Digital Economy Blueprint [Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia]*.

Terdapat di: <https://www.pnu.gov.my/sites/default/files/2021-02/rangka-tindakan-blueprint-ekonomi-digital-Malaysia.pdf>

116. IDEAS (2020), “IDEA: Ratifying CPTPP will boost Malaysia’s economy, especially if Taiwan also joins [IDEA: Meratifikasi CPTPP akan meningkatkan ekonomi Malaysia, terutamanya jika Taiwan juga menyertai]”. Terdapat di: <https://www.ideas.org.my/ideas-ratifying-cptpp-will-boost-malaysias-economy-especially-if-taiwan-also-joins/#~text=65%20%20%9CMalaysia%20Taiwan%20and,CPTPP%3A%20Economic%20Impact%20Assessment%20%9D&text=IDEAS%20estimates%20that%20ratifying%20and,140%2C000%20additional%20people%20in%20work>.

117. AlphaBeta (2018), *The data revolution: how Malaysia can capture the digital trade opportunity at home and abroad [Revolusi data: bagaimana Malaysia dapat meraih peluang perdagangan digital di dalam dan luar negara]*. Terdapat di: [https://research.hinrichfoundation.com/hubsf/Digital%20Trade%20Project/malaysia-hinrich-foundation-digital-trade-report.pdf?_hstc=85913225&_hssc=251652889.2.1615816368460.1615816368460.1615816368460.1615816368461&_hstc=251652889.930644ec0561399750d048f46468959.1615816368460.1615816368460.1615816368460.1615816368461](https://research.hinrichfoundation.com/hubsf/Digital%20Trade%20Project/malaysia-hinrich-foundation-digital-trade-report.pdf?_hstc=85913225&_hssc=251652889.2.1615816368460.1615816368460.1615816368461&_hstc=251652889.930644ec0561399750d048f46468959.1615816368460.1615816368460.1615816368460.1615816368461)

118. Joshua Meltzer dan Peter Lovelock (2018), “Regulating for a digital economy: Understanding the importance of cross-border data flows in Asia [Mengatur ekonomi digital: Memahami kepentingan aliran data rentas sempadan di Asia]”. Terdapat di: https://www.brookings.edu/wp-content/uploads/2018/03/digital-economy_meltzer_lovelock_web.pdf



kepada transaksi digital merentas sempadan dan menyokong pertumbuhan ekonomi digital. Walaupun Malaysia sudah menjadi sebahagian daripada rundingan dalam “Inisiatif Pernyataan Bersama” (JSI) WTO mengenai peraturan perdagangan e-dagang (seperti yang dinyatakan di atas), negara ini juga boleh mempertimbangkan untuk meniru strategi perjanjian perdagangan bebas tradisional (FTA) untuk mengamalkan sikap yang lebih proaktif untuk mempromosikan agenda perdagangan digital serantau. Memandangkan Malaysia bergantung pada ekonomi digitalnya untuk mendorong pertumbuhan ekonomi, banyak yang dapat diperoleh daripada mencari rakan kongsi yang berfikiran sama untuk berunding dan mengembangkan peraturan perdagangan digital.¹¹⁹ Malaysia juga boleh mempertimbangkan untuk memimpin dengan lebih kuat dan mendorong pelaksanaan rangka kerja pengurusan data

rentas sempadan serantau seperti “Rangka Kerja Pengurusan Data ASEAN” (DMF) dan “Klausula Kontrak Model Mengenai Aliran Data Merentas Sempadan” (MCCs).¹²⁰ Ditujukan untuk meningkatkan tadbir urus data untuk menanamkan kepercayaan dalam perkongsian data antara organisasi dengan negara-negara di rantau ini, rangka kerja tersebut akan menyokong terutamanya perniagaan yang menyeimbangkan antara inisiatif digital sambil mengurus perlindungan data dan perlindungan privasi pelanggan.

- **Mengambil bahagian dalam perjanjian perdagangan digital pelbagai hala.** Dengan laporan OECD yang menyoroti bahawa kenaikan sepuluh peratus dalam “hubungan digital dua hala” masing-masing dapat meningkatkan perdagangan barang dan perkhidmatan sekitar dua dan tiga peratus, aliran data rentas sempadan adalah

119. New Straits Times (2020), “Malaysia’s digital trade takes on greater importance in a post-Covid world [Perdagangan digital Malaysia menjadi lebih penting dalam dunia pasca-Covid]”. Terdapat di: <https://www.nst.com.my/business/2020/12/647699/malaysias-digital-trade-takes-greater-importance-post-covid-world>

120. Suruhanjaya Perlindungan Data Peribadi Singapura (2021), “ASEAN Data Management Framework and Model Contractual Clauses on Cross Border Data Flows [Rangka Kerja Pengurusan Data ASEAN dan Klausula Kontrak Model ASEAN untuk Aliran Data Merentas Sempadan]”. Terdapat di: <https://www.pdpc.gov.sg/help-and-resources/2021/01/asean-data-management-framework-and-model-contractual-clauses-on-cross-border-data-flows>



sangat penting untuk membolehkan eksport digital.¹²¹ Walaupun Malaysia menandatangani banyak perjanjian perdagangan antarabangsa, ia boleh mengambil pendekatan yang lebih proaktif dalam memulai perundingan mengenai perjanjian antarabangsa dengan tumpuan yang kuat untuk mengembangkan ekonomi digital. Penyertaan dalam perjanjian perdagangan digital pelbagai hala dapat mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi perniagaan untuk memanfaatkan peluang perdagangan digital di rantau ini dengan lebih baik. Contoh perjanjian yang baru ditandatangani adalah Perjanjian Perkongsian Ekonomi Digital (DEPA) yang ditandatangani antara Singapura, New Zealand dan Chile, yang bertujuan untuk mempromosikan perdagangan digital dan membantu PKS mengatasi cabaran skala dan jarak.¹²² DEPA merangkumi peruntukan yang menyelaraskan prosedur perdagangan melalui digitalisasi dokumentasi

perdagangan, dan mempromosikan aliran data rentas sempadan terbuka dengan perlindungan data yang diperlukan. Melalui DEPA, perniagaan yang beroperasi di tiga negara ini dapat memindahkan maklumat melintasi sempadan dengan lancar, dengan jaminan bahawa data tersebut dilindungi oleh mekanisme keselamatan yang relevan dan peraturan yang diperlukan.¹²³ Ini menyediakan persekitaran yang kondusif untuk model perniagaan yang didorong oleh data seperti perisian-sebagai-perkhidmatan dan dengan perniagaan yang semakin bergantung pada transaksi elektronik dan penyelesaian digital untuk melayani pelanggan di mana pun mereka berada. Selain itu, PKS yang ingin lebih memahami pasaran asing kini boleh mengakses dan menggunakan data pemerintah terbuka untuk mencari peluang perniagaan baharu dan menginovasi produk dan perkhidmatan baharu.

121. OECD (2019), *Trade in the digital era* [Berdagang dalam era digital]. Terdapat di: <https://www.oecd.org-going-digital/trade-in-the-digital-era.pdf>

122. Beehive.govt.nz (2020), "NZ concludes digital economy trade talks with Singapore and Chile [NZ mengakhiri perbincangan perdagangan ekonomi digital dengan Singapura dan Chile]." Terdapat di: <https://www.beehive.govt.nz/release/nz-concludes-digital-economy-trade-talks-singapore-and-chile>

123. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Singapura (2020), *Singapore substantially concludes negotiations for Digital Economy Partnership Agreement with Chile and New Zealand* [Singapura mengakhiri rundingan untuk Perjanjian Perkongsian Ekonomi Digital dengan Chile dan New Zealand].

Terdapat di: <https://www.mti.gov.sg/-/media/MTI/Newsroom/Press-Releases/2020/01/Joint-press-release---Conclusion-of-Digital-Economy-Partnership-Agreement---21-Jan.pdf>



MEMAJUKAN GANJARAN - SUMBANGAN GOOGLE UNTUK MEMAJUKAN PELUANG DIGITAL DI MALAYSIA

Google telah memberikan sumbangan penting dalam memajukan transformasi digital di Malaysia merentasi ketiga-tiga tonggak yang digariskan dalam Bab 2. Melalui program seperti “Mahir Digital Bersama Google”, Google sedang *memudahkan digitalisasi di sektor swasta* dengan menawarkan bengkel percuma untuk membantu PKS mempelajari kemahiran digital dan mendorong penggunaan alat digital untuk mewujudkan dan mengembangkan kehadiran dalam talian mereka. Dengan penutupan kedai fizikal semasa pandemik COVID-19, perdagangan digital telah menjadi nadi bagi para peruncit. Oleh itu, Google menyediakan perkhidmatan percuma kepada peruncit untuk menjual di platformnya. Salah satu perkhidmatan tersebut adalah membolehkan para peniaga untuk menyenaraikan produk-produk mereka di tab Google Shopping, yang membantu mereka berhubung dengan pengguna dengan lebih baik tanpa mengira sama ada mereka beriklan dengan Google ataupun tidak. Melalui program seperti “Go Digital ASEAN” dan “AirAsia Academy”, Google sedang Google memperkembang bakat digital negara. Google.org, badan filantropi Google, telah menyokong The Asia Foundation dengan dana sebanyak MYR14 juta (USD3.3 juta) untuk melancarkan inisiatif “Go Digital ASEAN”. Inisiatif ini berhasrat untuk menutup jurang digital di dalam negara-negara ASEAN termasuk Malaysia, dan menambah baik literasi digital di dalam komuniti di luar bandar dan kawasan yang kurang mendapat perhatian – termasuk belia menganggur, wanita, masyarakat orang asli, dan warga kurang upaya. Inisiatif ini bertujuan untuk merapatkan jurang digital di negara-negara ASEAN, termasuk Malaysia, dan meningkatkan literasi digital dalam kalangan masyarakat di kawasan luar bandar dan kawasan yang kurang dilayani. Untuk *mempromosikan peluang perdagangan digital*, YouTube berfungsi sebagai platform penting bagi pencipta kandungan tempatan untuk memperluas kehadiran mereka di seluruh dunia dan menyediakan sumber pendapatan alternatif, terutamanya semasa kemerosotan ekonomi akibat pandemik COVID-19.

“MEMAJUKAN GANJARAN” SUMBANGAN GOOGLE KEPADA PELAKSANAAN TRANSFORMASI DIGITAL MALAYSIA



Memudahkan digitalisasi di sektor awam dan swasta

1



Membangunkan bakat digital negara

2



Mempromosikan peluang perdagangan digital

3

CONTOH INISIATIF GOOGLE

- Program "**MAHIR DIGITAL BERSAMA GOOGLE**" menawarkan bengkel percuma untuk membantu PKS mempelajari alat dan kemahiran digital untuk menubuhkan dan mengembangkan perniagaan mereka dalam talian
- Dilaksanakan oleh The Asia Foundation, dengan sokongan daripada Google.org, program "**GO DIGITAL ASEAN**" bertujuan untuk melengkapai 15,000 belia Malaysia yang tidak bekerja dan kurang terlatih dengan kemahiran literasi digital
- YOUTUBE** menyokong perniagaan dan pencipta kandungan di Malaysia dengan membenarkan mereka menjangkau khalayak antarabangsa dengan mudah

GOOGLE JUGA MEMBERIKAN FAEDAH YANG LEBIH LUAS KEPADA PERNIAGAAN, PENGGUNA DAN MASYARAKAT DI MALAYSIA

PERNIAGAAN

Melalui peningkatan yang signifikan terhadap produktiviti dan jangkauan pelanggan, Google dianggarkan menyokong manfaat tahunan bernilai **MYR7.1 bilion (USD1.7 bilion)** untuk perniagaan di Malaysia¹

PENGGUNA

Dengan membantu pengguna menjimatkan masa dan menjana nilai melalui produk percuma mereka, Google dianggarkan dapat menampung faedah tahunan bernilai **MYR32.7 bilion (USD7.8 bilion)** untuk pengguna di Malaysia²

MASYARAKAT

Dengan membolehkan perniagaan membuka aliran pendapatan yang baharu dan mengembangkan perniagaan mereka, Google secara tidak langsung menyokong **lebih daripada 31,000 pekerjaan** di Malaysia hari ini. Ia juga menyampaikan rangkaian program yang menyokong komuniti seperti usahawan wanita dan pelajar supaya mereka boleh memanfaatkan teknologi digital

1. Manfaat perniagaan merujuk kepada anggaran kesan ekonomi daripada produk berikut: Google Search; Google Ads; AdSense; YouTube; dan Google Play.

2. Faedah pengguna merujuk kepada anggaran kesan ekonomi daripada produk berikut: Google Search; Google Maps; YouTube; Google Drive; Docs, Sheets dan Photos; Google Play.

Nota: Semua data berdasarkan analisis AlphaBeta menggunakan pelbagai sumber asal dan pihak ketiga. Lihat Lampiran dalam laporan untuk metodologi terperinci. Angka dianggarkan berdasarkan data tahunan terkini yang tersedia pada saat penyelidikan pada tahun 2020.

Tambahan lagi, Produk Google menghasilkan pelbagai faedah ekonomi untuk perniagaan, pengguna dan masyarakat yang lebih luas di Malaysia. Produk dan perkhidmatan Google dianggarkan menjana jumlah pulangan tahunan kepada perniagaan dan faedah kepada pengguna bernilai lebih kurang MYR7.1 bilion (USD1.7 billion) dan MYR32.7 bilion (USD7.8 billion) masing-masing. Apabila digabungkan, Google menyumbang kira-kira MYR39.8 bilion (USD9.5 billion) dalam nilai ekonomi, bersamaan dengan keluaran kasar tahunan industri harta tanah Malaysia. Produk yang diperuntukkan untuk faedah ini termasuk: Google Search, Google Ads, AdSense, Google Play, YouTube, Google Maps, Google Drive, dan Google Docs, Sheets dan Photos. Bagi perniagaan, faedah tersebut datang dalam bentuk peningkatan produktiviti melalui penjimatan masa, serta pendapatan yang lebih besar sebagai hasil daripada jangkauan pelanggan dan akses kepada pasaran baharu. Misalnya, setiap bulan pada tahun 2020, Google membantu mendorong lebih daripada 44 juta sambungan langsung, termasuk panggilan telefon, permintaan arah, mesej, tempahan, dan ulasan untuk perniagaan Malaysia. Pengguna mengalami lebih banyak kemudahan, akses kepada maklumat, dan lebih banyak saluran untuk pembelajaran dan perkembangan kemahiran. Selain sumbangan ekonominya kepada perniagaan dan individu, Google juga menyokong manfaat kepada masyarakat yang lebih luas di Malaysia. Dengan membolehkan perniagaan menjana aliran pendapatan dan mengembangkan perniagaan melalui penggunaan Google Ads, AdSense, dan YouTube, Google secara tidak langsung menyokong lebih daripada 31,000 pekerjaan di Malaysia hari ini. Google juga membawa manfaat tersirat melalui program-programnya, seperti meluaskan peluang memahirkan diri di dalam kemahiran digital kepada pengusaha wanita di Malaysia dan mempromosikan penggunaan Internet yang selamat.

3.1 GOOGLE MENYUMBANG KEPADA TIGA TONGGAK TRANSFORMASI DIGITAL DI MALAYSIA

Google telah memberikan sumbangan yang besar di Malaysia dengan program, produk dan perkhidmatannya dalam ketiga-tiga tonggak tindakan yang diketengahkan dalam Bab 2. Untuk **memudahkan digitalisasi di sektor awam dan swasta (Tonggak 1)**, Google telah melakukan perkara berikut:

- **Menyokong perniagaan kecil dalam penerapan alat digital.** Program “Mahir Digital Bersama Google” mendidik dan melengkapkan PKS Malaysia mengenai penggunaan alat digital untuk membawa perniagaan mereka ke dalam

talian dan menjangkau lebih ramai pelanggan.¹²⁴ Melalui program ini, Google menyediakan bengkel dalam talian percuma mengenai penggunaan alat digital yang dapat membantu perniagaan menjalani transformasi digital. Alat-alat ini termasuk Business Profile, Google Trends dan Google Analytics.¹²⁵ Untuk menyokong pemulihan industri pelancongan, Google bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MoTAC), MDEC dan Persatuan Ejen-ejen Pelancongan dan Pengembalaan Malaysia (MATTA) untuk melancarkan siri webinar istimewa bawah

124. Google, “Mahir Digital Bersama Google.” Terdapat di: <https://events.withgoogle.com/mahir-digital/>

125. Google, “Free tools to help your business grow [Alat percuma untuk membantu perniagaan anda berkembang].” Terdapat di: <https://events.withgoogle.com/mahir-digital/tools/#content>


"Mahir Digital Bersama Google". Dalam sebulan, 286 syarikat dari industri pelancongan mengambil bahagian dan mendapat manfaat daripada siri ini. Pada tahun 2020 sahaja, lebih daripada 11,000 pemilik dan pekerja perniagaan kecil Malaysia mendapat manfaat daripada program ini.

- **Menyediakan alat dan perkhidmatan digital untuk sektor swasta untuk meningkatkan daya saing industri.** Alat dan sumber Google juga menggalakkan pengusaha tempatan dalam usaha mereka untuk beralih ke digital dan meningkatkan produktiviti. Alat-alat ini sangat penting untuk membantu perniagaan kecil memenuhi permintaan dalam talian dan berkembang walaupun terdapat pengurangan pelawat fizikal sebagai akibat daripada sekatan pergerakan yang dikenakan semasa PKP. Kotak 6 memberikan contoh tentang cara penjual bunga tempatan memanfaatkan penggunaan alat-alat Google untuk meningkatkan pendapatan dan mempelbagaikan tawaran semasa pandemik COVID-19. Selain menyokong perniagaan kecil, alat Google juga membolehkan penyedia perkhidmatan kesihatan untuk memberikan perkhidmatan dari jarak jauh semasa COVID-19 (rujuk Kotak 7).

Untuk **membangunkan bakat digital negara (Tonggak 2)**, Google telah melancarkan usaha berikut di Malaysia:

- **'Reskilling' dan 'upskilling' tenaga kerja semasa.** Untuk membantu rakyat Malaysia menyesuaikan diri dengan landskap teknologi yang terus berkembang, Google telah mengembangkan banyak inisiatif kemahiran untuk memberikan manfaat kepada tenaga kerja semasa. Salah satu inisiatif utama adalah portal dalam talian "Grow with Google" yang menawarkan pelbagai pilihan kursus dan alat untuk rakyat Malaysia gunakan bagi mengembangkan perniagaan atau kerjaya mereka.¹²⁶ Penawaran ini melengkapi usahawan dengan pengetahuan dan kemahiran untuk mewujudkan kehadiran dalam talian, menarik penglibatan pelanggan, dan menganalisis tingkah laku pelanggan. Semasa pandemik COVID-19, Google bekerjasama dengan "Lazada University" untuk menyediakan sumber-sumber pendidikan kepada peruncit kecil tempatan untuk meningkatkan kehadiran dalam talian mereka - kemahiran yang sangat penting semasa pandemik ini. Bagi ahli profesional, mereka boleh meneroka dan mempelajari kemahiran dalam pelbagai mata pelajaran termasuk

126. Google, "Grow with Google." Terdapat di: https://grow.google/intl/en_my/



AI, pembelajaran mesin, pemasaran digital, dan pengembangan perisian. Contohnya, wartawan dan profesional media di Malaysia mendapat manfaat daripada "Google News Initiative" (GNI).¹²⁷ Melalui program ini, Google membantu melatih hampir 2,000 wartawan di Malaysia dalam penggunaan alat digital, kewartawaran data, dan alat pengesahan. Tambahan lagi, Google menganjurkan sesi perkongsian pengetahuan seperti "Think Media" mengenai topik yang merangkumi cara mengoptimumkan kehadiran dalam talian di Google News, cara menggunakan Google Ads, dan cara memanfaatkan data untuk meningkatkan perniagaan. Google juga memberikan sokongan yang disasarkan kepada syarikat media muda yang berpotensi, yang telah membantu mereka meningkatkan potensi pendapatan mereka. Misalnya, Malaysiakini iaitu penerbit berita tempatan, terpilih untuk menjadi sebahagian daripada "GNI APAC Subscription Lab", sebuah program yang membantu penerbit berita mengukuhkan keupayaan langganan digital mereka. Untuk memberi insentif supaya pembaca melanggan, Malaysiakini memperkenalkan sistem berdasarkan poin dan penghargaan yang dipanggil "Kini Community", yang menyebabkan

kenaikan langganan sebanyak 140 peratus pada bulan pertama selepas pelancarannya. Selain itu, Google bekerjasama dengan AirAsia untuk melancarkan "AirAsia Academy" yang bertujuan untuk meningkatkan profesional Malaysia dalam pelbagai industri (rujuk Kotak 8).

- **Menyediakan alat digital untuk menyokong pembelajaran hibrid dalam talian dan luar talian.** Selain inisiatif kemahiran untuk melengkapkan tenaga kerja semasa dengan kemahiran digital untuk memanfaatkan teknologi canggih, Google komited untuk mempersiapkan generasi pekerja berikutnya dengan cara untuk menavigasi teknologi yang sama. Untuk memajukan kemajuan Malaysia dalam pendidikan digital, dan untuk menyokong kaedah pembelajaran hibrid semasa pandemik COVID-19, Google bekerjasama dengan KPM untuk melancarkan Google Workspace for Education (sebelumnya dikenali sebagai "G Suite for Education") dan Google Classroom di seluruh negara. Seperti yang dinyatakan dalam Bab 2, perkongsian ini membantu KPM membentuk DELIMa, sebuah platform pembelajaran dalam talian nasional yang memenuhi keperluan hibrid sistem pendidikan negara dalam dan luar talian.

127. Google (2020), "Mengimbas Kembali Usaha Google News Initiative Kami di Malaysia." Terdapat di: <https://malaysia.googleblog.com/2020/10/mengimbas-kembali-usaha-google-news.html>

KOTAK 6.

BLOOMTHIS: ALAT GOOGLE MEMBOLEHKAN KEDAI BUNGA TEMPATAN MEMPELBAGAIKAN PENAWARAN PRODUKNYA DAN MENJUAL SECARA DALAM TALIAN SEMASA PKP

BloomThis ialah syarikat bunga dan hadiah di Malaysia yang mengimport bunga dari luar negara untuk dijual di pasaran domestik. Semasa PKP dilaksanakan pada bulan Mac, perniagaan itu tidak dapat mengimport bunga, menjelaskan 80 peratus daripada produknya.¹²⁸ Hasilnya, penjualan juga berkurang secara drastik. Seminggu selepas pelaksanaan PKP, pendapatannya juga merosot menjadi sifar.

Dalam mengharungi tempoh mencabar ini, BloomThis telah meluaskan penawaran produknya melangkaui bunga-bungaan dengan menghasilkan bungkusan cenderamata baharu bagi memenuhi cita rasa semasa pengguna. Mengambil kira pengalaman sedia ada, pasukan BloomThis menggunakan Google Shopping Ads untuk mempromosikan set hadiah baharu mereka secara dalam talian melalui penyiaran gambar-gambar produk yang menarik. Tambahan lagi, ia berhubung dengan pelanggan melalui Profil Perniagaan dengan sentiasa berkongsi kemas kini mengenai pelancaran produk terbaharu mereka, waktu operasi perniagaan, dan sebarang promosi berterusan. Penggunaan alat seperti itu bukan sahaja membantu BloomThis menyesuaikan diri dengan keperluan unik pandemik itu tetapi juga meningkatkan pendapatannya. Dari bulan Mac hingga Mei pada tahun 2020 (tempoh PKP) dibandingkan dengan tempoh yang sama pada tahun sebelumnya, penjualan BloomThis meningkat sebanyak 155 peratus, pengembalian perbelanjaan iklannya meningkat sebanyak 158 peratus, dan kos per pemerolehan (CPA) menurun sebanyak 68 peratus.



128. Google, "From zero to profitable, how BloomThis spurred growth in times of crisis. [Dari sifar hingga menguntungkan, bagaimana BloomThis mendorong pertumbuhan pada masa krisis.]" Terdapat di: https://services.google.com/fh/files/events/final_economic_recovery_case_study-bloomthis.pdf

KOTAK 7.

GOOGLE MEET MEMBANTU PERALIHAN KPJ HEALTHCARE KE ARAH PENJAGAAN KESIHATAN DIGITAL

Disebabkan tidak dapat berunding dengan pesakit secara langsung semasa pandemik COVID-19, KPJ Healthcare Bhd, salah satu penyedia penjagaan kesihatan swasta terbesar di Malaysia, menggunakan Google Meet untuk menyediakan perkhidmatan telekonsultasi maya untuk pesakitnya.¹²⁹ Google Meet membolehkan syarikat tersebut memberikan perkhidmatan kesihatan kritikal walaupun terdapat sekatan pergerakan. Selain memudahkan teleperubatan, alat-alat Google juga membolehkan syarikat itu mematuhi polisi dalaman dengan mudah yang menyatakan bahawa semua sesi telekonsultasi mesti direkodkan untuk melindungi perunding perubatan dan pesakit. Dengan menggunakan fungsi sedia ada Google Meet dan penyimpanan tanpa had yang ditawarkan oleh Google Workspace, syarikat tersebut dapat merakam semua perundingan maya dengan berkesan. Google Meet juga menyediakan perlindungan keselamatan yang diperlukan, seperti menyulitkan data pelanggan, membenarkan masuk ke bilik melalui kod mesyuarat, dan menyokong proses pengesahan dua langkah yang diperlukan dalam tetapan penjagaan kesihatan dengan data pesakit yang sangat diperibadikan yang ditangani berdasarkan keperluan yang perlu diketahui semasa sesi perundingan pesakit-doktor.

Google Workspace juga membantu meningkatkan kecekapan dalaman pasukan. Misalnya, pekerja syarikat menggunakan produk Google, seperti Calendar dan Gmail untuk menjadualkan acara; Docs dan Sheets untuk kerjasama masa nyata; dan Google Meet untuk mesyuarat maya dalaman dan luaran. Dengan menggunakan Google Cloud, syarikat ini berhasrat memusatkan datanya untuk meningkatkan integrasi aplikasi yang berlainan, dan meningkatkan peningkatan produktiviti.



Photo Source: <https://www.theedgemarkets.com/article/kpj-healthcare-sees-turning-point-2021-after-washout-year>

129. Focus Malaysia (2021), "Meet-ing your doctor during lockdown is now just a click away. [Berjumpa dengan doktor anda semasa perintah kawalan pergerakan dengan satu klik sahaja]." Terdapat di: <https://focusmalaysia.my/featured/meet-ing-your-doctor-during-lockdown-is-now-just-a-click-away/>

KOTAK 8.

AIRASIA ACADEMY: MEMBANTU PEKERJA MENYESUAIKAN DIRI DENGAN LANDSKAP DIGITAL YANG SEDANG BERKEMBANG

Terletak di Kuala Lumpur, "AirAsia Academy" merupakan sebuah akademi pembelajaran yang dibangunkan oleh AirAsia Digital dengan kerjasama Google Cloud, yang bertujuan untuk menyokong transformasi digital negara dengan menawarkan kursus dalam bidang seperti AI, pembelajaran mesin, keselamatan siber, data besar, dan kejuruteraan perisian.¹³⁰ Akademi ini menawarkan kursus separuh masa dan sepenuh masa, bertujuan untuk menghasilkan 100,000 orang bakat setiap tahun. Penawaran akademi ini meliputi "Program" yang memerlukan komitmen waktu antara tiga hingga sembilan bulan, dan "Kursus Pendek" yang dapat diselesaikan dalam hampir empat hari. Topik yang ditawarkan merangkumi infrastruktur teras, analisis data dan kejuruteraan, infrastruktur awan, analisis data, pemasaran digital, reka bentuk pengalaman pengguna (UX), dan keselamatan siber. Peserta memperoleh sijil yang diiktiraf oleh industri setelah menyelesaikan setiap kursus, yang juga meningkatkan kebolehkerjaan mereka.¹³¹

The screenshot shows the AirAsia Academy website's 'Resources' section. At the top, there is a navigation bar with the AirAsia Academy logo, a 'Powered by' section featuring 'airasia academy', 'Digital', and 'Google Cloud', and links for 'Courses', 'Resources', 'About', 'Login', and 'Register'. Below the navigation, the 'Resources' heading is displayed. Underneath it, there are four course cards, each with a 'Play Video' button:

- UX Design**: A card with a colorful background showing a laptop screen displaying a user interface.
- Software Engineering**: A card with a pink background showing a person working at a computer.
- Data Analytics & Engineering**: A card with a dark background showing binary code.
- Cyber Security**: A card with a dark background showing a person in a hooded jacket.

Photo Source: <https://redbeatacademy.com/resources>

Skilled cybersecurity professionals are in high demand, as there is a constant need for businesses to ensure that their computing systems and data are protected. Want to learn about the basics of cybersecurity and make yourself sought after by any organisation? Then join our free 2-hour Cybersecurity online session!

130. Air Asia (2020), "AirAsia Digital and Google join hands to launch Redbeat Academy. [AirAsia Digital dan Google berganding bahu untuk melancarkan Redbeat Academy]." Terdapat di: <https://newsroom.airasia.com/news/airasia-digital-and-google-join-hands-to-launch-redbeat-academy>

131. AirAsia Academy (2021). Terdapat di: <https://redbeatacademy.com/>

Platform pembelajaran digital DELIMa memudahkan akses pelajar kepada semua aplikasi dan perkhidmatan pendidikan yang diperlukan, seperti Google Classroom.¹³² Tambahan lagi, Google melancarkan “Teach from Anywhere” dengan KPM, sebuah laman web yang menggabungkan alat dan sumber yang berguna untuk para guru ketika melakukan pembelajaran jarak jauh.¹³³ Terdapat juga webinar harian untuk membantu guru-guru Malaysia untuk belajar menggunakan alat digital dan melakukan pembelajaran jarak jauh. Sejak Mac 2020, webinar ini memperoleh lebih daripada dua juta.

- Memupuk kemahiran digital tenaga kerja masa hadapan.** Google komited terhadap keterangkuman digital dengan melengkapkan tenaga kerja masa hadapan dengan kemahiran yang diperlukan untuk cemerlang dalam ekonomi digital. Sebagai sebahagian daripada inisiatif “Kurikulum CS First (Sains Komputer)”, Google memperkenalkan 182 pelajar yang berasekolah di SK Sementa, sebuah sekolah rendah di Negeri Selangor, kepada sains komputer. Kurikulum itu diterima dengan baik, dengan kesemua 182 pelajar menyatakan minat untuk menyertai sesi “Kurikulum CS First” seterusnya jika berpeluang. Pada masa yang sama, Google telah berjaya melatih 26 orang guru dari program “#CikguJuaraDigital” MDEC untuk menyampaikan “Kurikulum CS First”, dengan 82 peratus guru-guru ini merancang untuk mengajar “Kurikulum CS First” sebagai aktiviti ekstrakurikuler di sekolah mereka. Melalui program “Celcom Siswapreneur @ Google Bootcamp”, yang diatur dengan kerjasama penyedia telekomunikasi mudah alih tempatan, Celcom Axiata Berhad, dan KPM, Google melatih lebih daripada 3,800 pelajar universiti dalam pelbagai kemahiran dan alat digital yang siap digunakan untuk

pekerjaan pada masa hadapan.¹³⁴ Ini termasuk membuat resume yang menarik menggunakan Google Docs, membuat laman web menggunakan Google Sites, dan berkongsi asas penggunaan Google Ads. Program ini telah berjalan selama tiga tahun, menunjukkan komitmen Google untuk memupuk kemahiran digital tenaga kerja masa hadapan.

- Memperluas peluang kemahiran digital kepada komuniti yang kurang mendapat perhatian.**

Untuk mengembangkan kemahiran digital di dalam individu daripada komuniti yang kurang mendapat perhatian, Google.org, badan filantropi Google, telah menjanjikan sebuah dana lebih MYR14 juta (USD3.3 juta) kepada inisiatif “Go Digital ASEAN”. Inisiatif Go Digital ASEAN The Asia Foundation berhasrat untuk menutup jurang kemahiran digital di negara-negara ASEAN termasuk Malaysia, dan menambah baik literasi digital di dalam komuniti di luar bandar dan kawasan yang kurang mendapat perhatian — termasuk belia menganggur, wanita, masyarakat orang asli, dan warga kurang upaya. Dianjurkan bersama The Asia Foundation, inisiatif ini bertujuan untuk merapatkan jurang kemahiran digital di negara-negara ASEAN termasuk Malaysia, dan meningkatkan literasi digital dalam kalangan komuniti di kawasan luar bandar dan kawasan yang kurang mendapat perhatian - termasuk pengusaha, belia yang tidak bekerja, wanita, masyarakat orang asli, dan orang kurang upaya.¹³⁵ Di Malaysia, The Asia Foundation bekerjasama dengan organisasi tempatan (iaitu Pusat Belia Antarabangsa (IYC) dan Startup Malaysia) untuk melengkapkan 15,000 belia dengan kemahiran literasi digital untuk membantu mereka membuka peluang ekonomi, seperti mencari pekerjaan, atau membawa perniagaan mereka ke dalam talian.¹³⁶

132. Microsoft (2020), “Ministry of Education launches new digital learning platform with participation from Google, Microsoft and Apple. [Kementerian Pendidikan melancarkan platform pembelajaran digital baharu dengan penyertaan dari Google, Microsoft dan Apple.]”

Terdapat di: <https://news.microsoft.com/en-my/2020/06/15/ministry-of-education-launches-new-digital-learning-platform-with-participation-from-google-microsoft-and-apple/>

133. Google, “Teach from Anywhere.” Terdapat di: <https://teachfromanywhere.google/intl/ms/#for-teachers>

134. Celcom (2018), “Celcom and Google gathers 250 undergraduates for digital marketing bootcamp. [Celcom dan Google mengumpulkan 250 pelajar untuk bengkel pemasaran digital.]” Terdapat di: <https://www.celcom.com.my/sites/default/files/pdf/celcom-news-release-celcom-and-google-gathers-250-undergraduates-for-digital-marketing-bootcamp.pdf>

135. Go Digital, “Go Digital ASEAN Malaysia.” Terdapat di: <https://go-digital.my/#content>

136. Bernama (2021), “Go Digital ASEAN initiative to train 15,000 youths, micro entrepreneurs in Malaysia [Inisiatif Go Digital ASEAN untuk melatih 15,000 belia, usahawan mikro di Malaysia].” Terdapat di: <https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1925345> and Go Digital, “Go Digital ASEAN Malaysia.” Terdapat di: <https://go-digital.my/>

Untuk **mempromosikan peluang perdagangan digital (Tonggak 3)**, Google menunjukkan komitmennya dengan perkara berikut:

- **Membangunkan platform digital untuk mempromosikan eksport digital domestik.** Sebagai salah satu laman web perkongsian video yang paling popular dengan khalayak antarabangsa, YouTube menyediakan platform untuk pencipta kandungan di Malaysia untuk memperluas kehadiran mereka ke peringkat global. Platform ini telah memainkan peranan yang lebih penting lagi dalam menyokong individu untuk membangunkan perniagaan dalam talian semasa pandemik COVID-19, dan untuk memenuhi permintaan dari pasaran luar negara. Kotak 9 memberikan contoh YouTuber Malaysia yang telah memanfaatkan penggunaan platform itu untuk menjana sumber pendapatan alternatif dan memperluas jangkauan mereka ke luar negara.
- **Mempromosikan keselamatan dan privasi data dan maklumat.** Dengan mananamkan kepercayaan dalam perkongsian data antara organisasi dengan negara, perlindungan privasi data rentas sempadan yang kuat dan kawalan pengguna dapat mendorong individu dan perniagaan untuk melibatkan diri dalam perdagangan digital (seperti yang digariskan dalam Bab 2). Sebagai penyokong kuat terhadap peraturan perlindungan data yang bijak, dapat dikendalikan, dan dapat disesuaikan, Google menyokong usaha Malaysia untuk mengubah suai undang-undang perlindungan data peribadinya dengan berkongsi "Rangka Kerja Peraturan Perlindungan Data yang Bertanggungjawab".¹³⁷ Rangka kerja ini bertujuan untuk melindungi individu dan masyarakat daripada bahaya dan penyalahgunaan data, sambil membolehkan perniagaan dan pengguna mendapat manfaat daripada perkhidmatan inovatif. Ini juga mendorong

interoperabiliti global dengan mendorong negara-negara untuk menerap rangka kerja peraturan privasi bersepadu dan mekanisme pemindahan data rentas sempadan yang memastikan perlindungan mengikuti data. Kerajaan Malaysia boleh merujuk rangka kerja ini dalam usaha mereka untuk mengembangkan peraturan perlindungan data yang bijak, dapat dikendalikan, dan dapat disesuaikan, dan berpotensi menggunakan sebagai sebahagian daripada rancangan mereka untuk mengkaji semula peraturan pemindahan data rentas sempadan yang sedia ada dalam Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) menjelang 2025.¹³⁸

- **Menyokong syarikat 'start-up' tempatan dalam perkembangan rangkaian global mereka.** Google melancarkan program "Google for Startups Accelerator: Southeast Asia", satu kursus latihan intensif pemecut dalam talian yang berjalan selama tiga bulan untuk menemui dan mengembangkan 'start-up' berdasarkan teknologi berpotensi tinggi yang dapat menyelesaikan cabaran di rantau ini dalam era pasca pandemik.¹³⁹ Sebagai sebahagian daripada program ini, 'start-up' menerima bimbingan teknologi dan perniagaan, peluang untuk berhubung dengan pasukan yang relevan dari Google dan rangkaian rakan industri, dan menghadiri bengkel mengenai topik seperti reka bentuk produk, pemerolehan pelanggan, dan kepemimpinan. Salah satu syarikat 'start-up' tempatan yang mendapat sokongan Google ialah MHub Suite, yang membolehkan transaksi hartanah dari hujung ke hujung dengan menghubungkan pemaju harta tanah, pasukan penjualan, ejen harta tanah, pegawai bank, peguam, dan bakal pelanggan dalam satu platform.¹⁴⁰ Sehingga kini, tempahan bernilai lebih daripada USD184 juta (MYR755 juta) telah dilakukan di platform MHub dan perniagaan tersebut telah bekerjasama dengan 15 bank.¹⁴¹

137. Google (2020), Framework for Responsible Data Protection Regulation [Rangka Kerja untuk Peraturan Perlindungan Data yang Bertanggungjawab]. Terdapat di: https://services.google.com/fh/files/blogs/google_framework_responsible_data_protection_regulation.pdf

138. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (2018), Malaysia Digital Economy Blueprint [Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia]. Terdapat di: <https://www.epn.gov.my/sites/default/files/2021-02/rangka-tindakan-blueprint-ekonomi-digital-Malaysia.pdf>

139. Google for Start-ups (2020), "Google for Start-ups Accelerator: Southeast Asia [Google untuk Mempercepat Syarikat Awalan Asia Tenggara]". Terdapat di: <https://sites.google.com/view/gfs-accelerator-sea/home>

140. Mhub (2021), "New Normal, New Standards [Normal Baharu, Standard Baharu]." Terdapat di: https://apps.mhub.my/#home-1page_milestones

141. Fintech News (2017), "12 Hottest Fintech Startups in Malaysia [12 Syarikat Awalan Fintech Terhangat di Malaysia]". Terdapat di: <https://fintechnews.sg/13378/malaysia/12-fintech-startups-in-malaysia-watchlist/>

KOTAK 9.

YOUTUBE MENYOKONG INDIVIDU DALAM PEMBINAAN PERNIAGAAN DALAM TALIAN YANG BAHARU DAN MEMENUHI PERMINTAAN DARI KHALAYAK LUAR NEGARA

SUGU PAVITHRA

Pada tahun 2019, Pavithra, seorang suri rumah tangga dan ibu kepada dua orang anak, secara aktif mencari jalan untuk meningkatkan pendapatan keluarganya.¹⁴² Suaminya, Sugu, merupakan satu-satunya pencari nafkah keluarga tersebut yang bekerja di ladang kelapa sawit. Mendapat ilham daripada kejayaan jirannya menerusi YouTube, Pavithra dan Sugu ternampak sebuah peluang untuk mencuba penciptaan kandungan. Dengan hanya menggunakan telefon pintar dan persediaan asas, mereka mula memuat naik video masakan dan coretan kehidupan sehari-hari mereka. Perwatakan mereka yang lemah lembut dan resipi mereka yang mudah diikuti memenangi hati warga Malaysia. Sokongan terhadap mereka diperkuahkan lagi semasa pandemik lantaran lebih ramai beralih ke dalam talian untuk dihiburkan. Dalam tempoh enam bulan dari debut YouTube mereka, saluran mereka berjaya meraih lebih dari 750,000 'subscriber', termasuk 'subscriber' dari Indonesia, Singapura dan Australia. Kejayaan saluran ini juga menarik perhatian Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang memetik nama pasangan ini dalam ucapan Rancangan Pemulihan Ekonomi (PENJANA)nya sebagai contoh rakyat Malaysia telah menunjukkan ketahanan semasa pandemik ini.



Photo Source: <https://www.therakyatpost.com/2020/07/14/sugu-pavithra-officially-receives-silver-play-button-from-youtube/>

LES' COPAQUE

Ditubuhkan pada tahun 2005, studio animasi Malaysia, Les' Copaque, menghasilkan animasi 3D berkualiti tinggi untuk rancangan televisyen. Berharap untuk menjangkau pengikut yang lebih luas, studio ini menujuhkan saluran YouTube pada tahun 2009. Siri kanak-kanak animasi ikoniknya, "Upin & Ipin", diambil oleh Disney Channel Asia dan Televisi Pendidikan Indonesia (TPI), dan disiarkan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.¹⁴³ Dengan pelancaran saluran YouTubenya, siri animasi ini tersedia di seluruh dunia untuk peminat di Uzbekistan dan Eropah. Sambutan bersemangat daripada siri animasinya membuka jalan kepada perkembangan syarikat ke dalam filem-filem besar seperti Geng: Pengembaraan yang dianugerahi banyak penghargaan. Pada tahun 2020, saluran YouTube mereka mencapai sepuluh juta 'subscriber', saluran YouTube pertama di Malaysia yang mencapainya, dan dianugerahi Diamond Play Button Award.¹⁴⁴



Photo Source: <https://www.quake.com.my/latest-update/221-astro-and-les-copaque-collaborate-to-strengthen-local-and-regional-animation-industry>

142. Google, "Sugu Pavithra improves their quality of life with YouTube during uncertain times [Sugu Pavithra meningkatkan kualiti hidup mereka dengan YouTube pada masa yang tidak menentu].", Terdapat di: https://services.google.com/fb/files/events/economic_recovery_case_study-sugu-pavithra.pdf

143. Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (2021), "Les' Copaque Production Sdn Bhd".

Terdapat di: <https://www.maltrad.gov.my/en/31-malaysian-exporters-going-global-exporters-success-stories/2025-les-copaque-production-sdn-bhd>

144. Malay Mail (2020), "'Upin & Ipin' creators Les' Copaque becomes first Malaysian YouTube channel to reach 10 million subscribers [Pencipta Upin & Ipin, Les' Copaque menjadi saluran YouTube Malaysia pertama yang mencapai 10 juta subscriber]". Terdapat di: <https://www.malaymail.com/news/life/2020/06/12/upin-ipin-creators-les-copaque-becomes-first-malaysian-youtube-channel-to-r/1874840>

KESAN EKONOMI GOOGLE DI MALAYSIA



FAEDAH PERNIAGAAN

Google menyokong
**MYR7.1 BILION
(USD1.7 BILION)**
dalam faedah tahunan untuk
perniagaan di Malaysia¹



Google Search menjimatkan
pekerja di Malaysia sekitar purata
4.4 HARI SETAHUN
melalui akses kepada maklumat
dalam talian yang segera



FAEDAH PENGGUNA

Google menyokong
**MYR32.7 BILION
(USD7.8 BILION)**
dalam faedah tahunan untuk
pengguna di Malaysia²



Pengguna **Google Search**
Malaysia biasa
menjimatkan kira-kira
4.4 HARI
untuk mencari jawapan
dalam setahun, berbanding
dengan kaedah luar
talian tradisional



Menurut penyelidikan AlphaBeta,
LEBIH DARIPADA 40%
daripada pengguna **YouTube**
di Malaysia mengatakan
bahawa mereka menggunakan
perkhidmatan video dalam talian
untuk mempelajari kemahiran
digital lanjutan

FAEDAH MASYARAKAT



Dengan membolehkan perniagaan membuka aliran pendapatan yang baharu dan
mengembangkan perniagaan mereka, Google secara tidak langsung menyokong
lebih daripada 31,000 pekerjaan di Malaysia hari ini



Dengan kerjasama bersama Nestle (Maggi), Google telah melancarkan program
"Wanita Cukup Berani", yang melatih lebih daripada **1,000** wanita Malaysia mengenai
cara memanfaatkan alat digital dalam pekerjaan dan perniagaan mereka

1. Manfaat perniagaan merujuk kepada anggaran kesan ekonomi daripada produk berikut: Google Search; Google Ads; AdSense; YouTube; dan Google Play.
2. Faedah pengguna merujuk kepada anggaran kesan ekonomi daripada produk berikut: Google Search; Google Maps; YouTube; Google Drive; Docs, Sheets dan Photos; Google Play.

Nota: Semua data berdasarkan analisis AlphaBeta menggunakan pelbagai sumber asal dan pihak ketiga. Lihat Lampiran dalam laporan untuk metodologi terperinci.
Angka dianggarkan berdasarkan data tahunan terkini yang tersedia pada saat penyelidikan pada tahun 2020.

3.2 MANFAAT PERKHIDMATAN GOOGLE UNTUK PERNIAGAAN, PENGGUNA DAN MASYARAKAT

Perkhidmatan Google, seperti Google Search, Google Ads, dan Google Maps, membawa keuntungan ekonomi yang besar di Malaysia. Kajian ini mendapati bahawa nilai ekonomi tahunan yang ditunjukkan oleh aplikasi dan platform Google adalah bernilai MYR7.1 bilion (USD1.7 bilion) untuk perniagaan dan MYR32.7 bilion (USD7.8 bilion) untuk pengguna. Apabila digabungkan, Google menyumbangkan nilai ekonomi bernilai MYR 39.8 bilion (USD9.5 bilion) kepada Malaysia, jumlah yang bersamaan dengan keluaran kasar tahunan industri harta tanah Malaysia.¹⁴⁵ Gambaran keseluruhan manfaat ekonomi yang dinilai untuk perniagaan dan pengguna di

Malaysia disediakan dalam Pameran 7. Ia penting untuk ambil perhatian bahawa faedah ini adalah berkaitan dengan faedah ekonomi langsung yang diterima, dan tidak termasuk kesan ekonomi aliran yang dihasilkan (rujuk Kotak 10 untuk keterangan lebih lanjut). Tambahan lagi, Google juga membawa manfaat tersirat kepada masyarakat yang lebih luas di Malaysia. Ini termasuk menyokong lebih daripada 31,000 pekerjaan di dalam ekonominya¹⁴⁶, serta manfaat tersirat lain melalui program-programnya, seperti memperluas peluang mempelajari kemahiran digital kepada usahawan wanita di Malaysia dan mempromosikan penggunaan Internet yang selamat.

MANFAAT KEPADA PERNIAGAAN

GOOGLE MEMBANTU PERNIAGAAN MENINGKATKAN PENDAPATAN MEREKA

Aplikasi Google memperluas jangkauan perniagaan di Malaysia kepada pelanggan dan pasaran baharu. Platform pengiklanan dalam talian seperti **Google Ads** dan **YouTube** memberarkan perniagaan menjalankan iklan yang disasarkan, membawa produk dan perkhidmatan mereka kepada khalayak yang tepat dan mengembangkan asas pelanggan mereka. **Google Ads** dianggarkan menjana MYR5.7 bilion (USD1.4 bilion) setiap tahun dalam bentuk pulangan bersih kepada perniagaan di Malaysia daripada pengiklanan melalui hasil Google Search menggunakan kata kunci yang

relevan.¹⁴⁷ Selain pengiklanan carian, perniagaan di Malaysia juga mendapat keuntungan daripada menyiarkan iklan melalui rangkaian laman penerbit Google seperti laman web, blog dan forum melalui **AdSense**. Pulangan bersih ini dianggarkan sebanyak MYR79 juta (USD19 juta) setiap tahun.¹⁴⁸ Sementara itu, dengan memanfaatkan pelbagai format iklan yang diaktifkan oleh YouTube, perniagaan dianggarkan mencapai pulangan iklan bersih sebanyak MYR357 juta (USD85.2 juta) setiap tahun.¹⁴⁹

Kotak 11 menggambarkan bagaimana PKS tempatan dapat memperluas jangkauan pelanggan mereka dan meningkatkan pendapatan melalui Google Ads.

145. Jabatan Perangkaan Malaysia (2019), "The Real Estate Services Recorded Gross Output Value of RM32.8 billion in 2017 [Perkhidmatan Harta Tanah Mencatat Nilai Keluaran Kasar sebanyak RM32.8 bilion pada tahun 2017]". Terdapat di: https://www.dosm.gov.my/v1/index.php/index.php?r=column/ctheme&menu_id=b0plV1E3RW40WRTUkZocEhyZ1plUT09&bul_id=WXRYYm9jR2RISnk0UIZoN2ply2hBUT09#:~:text=REAL%20ESTATE%20SERVICES,The%20real%20estate%20services%20recorded%20gross%20output%20value%20of%20RM32,2017%20as%20compared%20to%20RM28,&text=1%20billion%20with%20the%20average.billion%20for%20the%20year%202012.

146. Pekerjaan yang disikong merujuk pada pekerjaan baharu yang mungkin telah dihasilkan melalui penggunaan platform Google oleh perniagaan, serta pekerjaan yang sedang merekrut sejak sebelum itu

147. Ini merujuk kepada peningkatan pendapatan dan penjualan yang dapat dikaitkan secara langsung dengan pengiklanan yang ditolak perbelanjaan iklan yang berkaitan. MYR5.7 bilion (USD1.4 bilion) merujuk kepada keuntungan iklan bersih yang diterima oleh pengiklan di Google Search & Ads berdasarkan nisbah pulangan pelaburan (ROI) antara 3.4 dan 8. Peningkatan pengiklanan kasar yang diperoleh oleh pengiklan adalah sekitar MYR6.7 bilion (USD1.6 bilion). Rujuk Lampiran B untuk perincian metodologi.

148. MYR79 juta (USD19 juta) merujuk kepada keuntungan iklan bersih yang diterima oleh pengiklan di AdSense berdasarkan nisbah pulangan pelaburan (ROI) 0.24. Pendapatan pengiklanan kasar yang diperoleh pengiklan adalah sekitar MYR330 juta (USD78.8 juta). Rujuk Lampiran B untuk perincian metodologi.

149. Ini merujuk kepada peningkatan pendapatan dan penjualan yang dapat dikaitkan secara langsung dengan pengiklanan yang ditolak perbelanjaan iklan yang berkaitan.

PAMERAN 7:**GAMBARAN KESELURUHAN FAEDAH TAHUNAN YANG DISOKONG OLEH GOOGLE DI MALAYSIA**

JENIS FAEDAH	KEMUDAHAN MENGAKSES MAKLUMAT	HIBURAN DAN PENGAYAAN
PRODUK BERKAITAN	Google Search	YouTube, Google Play & Android
FAEDAH PERNIAGAAN	<ul style="list-style-type: none"> Dengan membenarkan akses segera kepada maklumat dalam talian, Google Search membantu perniagaan menjimatkan 4.4 hari setahun bagi setiap pekerja di Malaysia 	<ul style="list-style-type: none"> Pembangun aplikasi di Malaysia memperoleh pendapatan sekitar MYR515 juta (USD123 juta) daripada pasaran domestik dan antarabangsa melalui platform Google Play setiap tahun Android membolehkan pembangun aplikasi menjimatkan hingga 25% masa pembangunan dan menyasarkan lebih daripada 1 bilion pengguna di seluruh dunia¹
FAEDAH PENGGUNA	<ul style="list-style-type: none"> Dengan memberikan akses segera kepada maklumat, pengguna Google Search di Malaysia menjimatkan kira-kira 4.4 hari untuk mencari jawapan dalam talian setiap tahun Manfaat tahunan pengguna yang diperoleh daripada Google Search dianggarkan bernilai MYR8 bilion (USD1.9 bilion) 	<ul style="list-style-type: none"> Pengguna boleh memilih lebih daripada 3.5 juta aplikasi yang tersedia di ekosistem Android² Dengan memperoleh akses kepada pelbagai pilihan hiburan digital melalui Google Play dan YouTube, kelebihan pengguna platform ini kepada pengguna di Malaysia dianggarkan bernilai MYR14.1 bilion (USD3.4 bilion) setiap tahun

1. AlphaBeta (2018), "AlphaBeta research brief: The estimated economic impact from Android across five Asian markets [Ringkasan penyelidikan AlphaBeta: Anggaran kesan ekonomi daripada Android di lima pasaran Asia]". Terdapat di: <https://www.alphabeta.com/wp-content/uploads/2017/08/180820-Android-Economic-Impact.pdf>

2. App Annie (2017), "Top Predictions for the App Economy in 2018 [Ramalan Teratas untuk Ekonomi Aplikasi pada tahun 2018]". Terdapat di: <https://www.appannie.com/en/insights/market-data/predictions-app-economy-2018/>

3. Manfaat pengiklanan bersih merujuk kepada pendapatan tambahan yang diperoleh daripada iklan ditolak kos iklan.


Nota: Angka dianggarkan berdasarkan data tahunan terkini yang tersedia pada saat penyelidikan pada tahun 2020.

SUMBER: Analisis AlphaBeta

PENINGKATAN PRODUKTIVITI DAN KEMUDAHAN	FAEDAH PENGIKLANAN	JUMLAH FAEDAH:
Google Maps, Drive, Photos, Docs & Sheets <ul style="list-style-type: none"> Fungsi Business Profile di Google Maps membolehkan pelanggan menemukan perniagaan tempatan. Pada setiap bulan tahun 2020, Google telah membantu mendorong lebih daripada 44 juta sambungan langsung, termasuk panggilan telefon, permintaan arah, mesej, tempahan, dan ulasan untuk perniagaan Malaysia. 	YouTube, Google Ads & AdSense <ul style="list-style-type: none"> Google Search dan Ads menghasilkan keuntungan iklan bersih sebanyak MYR5.7 bilion (USD1.4 juta) kepada perniagaan di Malaysia setiap tahun³ Penerbit web dan pencipta kandungan di Malaysia memperoleh pendapatan sekitar MYR390 juta (USD92.9 juta) daripada AdSense dan YouTube setiap tahun Iklan di Malaysia memperoleh keuntungan sebanyak MYR437 juta (USD104 juta) setiap tahun daripada paparan iklan di laman web dan video menggunakan AdSense dan YouTube³ 	MYR7.1 BILION (USD1.7 BILION)
<ul style="list-style-type: none"> Manfaat keseluruhan pengguna tahunan yang diperoleh daripada alat peningkatan produktiviti Google Maps, Drive, Photos, Docs, dan Sheets dianggarkan bernilai MYR10.6 bilion (USD2.5 bilion) 	Tiada	MYR32.7 BILION (USD7.8 BILION)

KOTAK 10. MENGUKUR FAEDAH PRODUK GOOGLE BAGIUNTUK PERNIAGAAN DAN PENGGUNA

Manfaat produk Google untuk perniagaan dan pengguna yang dianggarkan dalam penyelidikan ini memberi tumpuan kepada kesan ekonomi langsung yang mereka terima. Disebabkan sifat faedah yang berbeza yang dialami dari produk-produk tersebut, pendekatan yang berbeza digunakan untuk perniagaan dan pengguna. Manfaat perniagaan yang disokong oleh Google termasuk hasil, pendapatan atau simpanan kasar yang dihasilkan oleh perniagaan yang menggunakan produk Google. Ia penting untuk ambil perhatian bahawa faedah ini tidak termasuk kesan aliran ekonomi yang dihasilkan, seperti pembelian lebih lanjut dari pembekal mereka, atau aktiviti ekonomi yang dihasilkan oleh pekerja perniagaan ini yang menghabiskan gaji mereka dalam ekonomi yang lebih luas (perbelanjaan tidak langsung atau yang disebabkan). Ini adalah kerana niat untuk mengukur kesan langsung yang diterima pengguna perniagaan produk Google. Untuk pengguna, ia penting untuk ambil perhatian bahawa faedah ini sukar untuk diukur dan dihitung kerana individu biasanya tidak akan membayar untuk perkhidmatan tersebut. Dengan ketiadaannya petunjuk harga, prinsip "kesanggupan untuk bayar" ekonomi digunakan untuk menganggarkan nilai faedah pengguna dengan bertanya kepada individu berapa banyak mereka menilai produk tertentu. Penjimatan masa yang diperoleh pengguna dari penggunaan Google Search (yang meningkatkan kecekapan pengumpulan maklumat) juga diukur untuk mendapatkan ukuran kemudahan yang mereka dapat dari produk ini. Lampiran B menunjukkan penjelasan metodologi terperinci mengenai bagaimana manfaat setiap produk itu diukur.



KOTAK 11. GOOGLE ADS MEMBANTU SEORANG PENGUSAHA MENGEMBANGKAN PERNIAGAANNYA SEMASA PANDEMIK TERSEBUT


Pandemik COVID-19 memaksa beberapa rakyat Malaysia, termasuk Mohd Zaid, untuk mempertimbangkan aliran pendapatan alternatif.¹⁵⁰ Untuk menyara keluarganya, Zaid memutuskan untuk membangunkan minatnya menjadi sebuah perniagaan dengan jualan lilin wangi soya semulajadi di bawah jenamanya, Lampu Cherita. Namun, dia tidak dapat mengembangkan perniagaannya secara efektif disebabkan kebergantungannya kepada cara pemasaran mulut ke mulut. Zaid memutuskan untuk mencuba pemasaran digital. Untuk berbuat demikian, Zaid menghadiri "Mahir Digital Bersama Google," sebuah program Grow with Google untuk 'upskill' usahawan Malaysia mengenai kemahiran digital. Melalui program ini, dia menyedari keperluan pendekatan pemasaran yang lebih terancang dan juga mempelajari bagaimana Google Ads dapat mempermudahkannya. Dengan bajet MYR17 (USD4) sehari, Mohd Zaid berkongsi promosi terbaru Lampu Cherita dengan kumpulan calon pelanggan yang lebih besar di Google Search untuk membezakan produknya dalam pasaran yang mencabar. Dalam tempoh sebulan, pendapatan perniagaannya meningkat 70 peratus dan menarik minat pelanggan di Singapura dan Indonesia. Hari ini, 20 peratus dari jualan bulanannya adalah dari pelanggan di luar negara. Dengan memanfaatkan alat digital, Lampu Cherita berjaya berkembang dengan ketara. Selepas menggunakan Google Ads selama sebulan, Lampu Cherita meningkatkan lalu lintas laman webnya sebanyak 350 peratus dan penjualannya sebanyak 70 peratus.



150. Astro Awani (2021), "AWANI Pagi: Platform Google bantu PKS kembang perniagaan"
Terdapat di: <https://www.astroawani.com/video-malaysia/awani-pagi-platform-google-bantu-pks-kembang-perniagaan-1910611>

Google juga menyediakan sumber pendapatan baharu untuk pencipta kandungan di Malaysia. Pencipta kandungan seperti wartawan dalam talian, laman media, blogger, dan penulis boleh menjana pendapatan dengan menjalankan iklan di laman web mereka, **AdSense** dianggarkan telah membantu pencipta kandungan di Malaysia mengewangkan ruang di laman web mereka, dan menjana pendapatan tahunan sebanyak MYR245 juta (USD58.3 juta). **YouTube** juga memberi manfaat kepada pencipta kandungan video di Malaysia yang memperoleh pendapatan melalui perletakan iklan dalam video mereka. Ini dianggarkan akan menjanakan sejumlah MYR146 juta (USD34.7 juta) kepada pencipta kandungan di Malaysia dalam bentuk pendapatan iklan tahunan.

Sistem pengedaran produk digital Google, Google Play, dan juga sistem operasi, Android, telah menghasilkan pelbagai faedah kepada pembangun aplikasi di Malaysia. Pembangun aplikasi dianggarkan memperoleh pendapatan tahunan sekitar MYR515 juta (USD123 juta) daripada Google Play di pasaran domestik dan global.¹⁵¹ Selanjutnya, melalui sistem operasi Android, pembangun aplikasi di Malaysia dapat menjangkau lebih daripada satu bilion pengguna di seluruh dunia dengan mudah.¹⁵² Selain itu, didapati bahawa pembangun aplikasi Android dapat menjimatkan masa pembangunan hingga 25 peratus kerana mereka tidak perlu memindahkan aplikasi mereka ke sistem operasi yang berlainan.



151. Google Play ialah perkhidmatan pengedaran digital yang dikendalikan dan dibangunkan oleh Google. Ia berfungsi sebagai gedung aplikasi rasmi untuk sistem operasi Android, yang merujuk kepada sistem operasi mudah alih yang dibangunkan oleh Google untuk peranti mudah alih skrin sentuh seperti telefon pintar dan tablet. Pengguna Google Play dapat melihat dan memuat turun aplikasi yang dibangunkan dengan kit pembangunan perisian Android.

152. AlphaBeta (2018), "AlphaBeta research brief: The estimated economic impact from Android across five Asian markets [Ringkasan penyelidikan AlphaBeta: Anggaran kesan ekonomi daripada Android di lima pasaran Asia]". Terdapat di: <https://www.alphabeta.com/wp-content/uploads/2017/08/180820-Android-Economic-Impact.pdf>

Pameran 8 merumuskan anggaran faedah perniagaan tahunan dalam bentuk keuntungan hasil yang diperoleh oleh perniagaan di Malaysia daripada Google Search, Google Ads, YouTube, AdSense, dan Google Play.

GOOGLE MEMBANTU PERNIAGAAN MENINGKATKAN PRODUKTIVITI DAN MENJIMATKAN MASA

Google membantu perniagaan menjimatkan masa dengan meningkatkan produktiviti pekerja dengan meningkatkan kelajuan dan kemudahan mengakses maklumat dan penyelidikan. Khususnya, Google Search meminimumkan masa untuk perniagaan memperoleh

maklumat dengan mengatur dan memudahkan pelbagai kandungan di Internet. Keupayaan untuk mencari data dan maklumat yang relevan dengan cepat memberikan faedah produktiviti yang luar biasa bagi para pekerja, dengan setiap pekerja menjimatkan kira-kira 4.4 hari secara purata setiap tahun.

GOOGLE MENYOKONG PERNIAGAAN DAN PEKERJA SEMASA PANDEMIK COVID-19

Kotak 12 menunjukkan contoh tentang cara aplikasi dan inisiatif Google telah menyokong perniagaan dan pekerja untuk mengatasi kesan pandemik COVID-19.

PAMERAN 8:

GOOGLE DIANGGARKAN MENGHASILKAN KEUNTUNGAN TAHUNAN BERNILAI MYR7.1 BILION (USD 1.7 JUTA) KEPADA PERNIAGAAN DI MALAYSIA

PRODUK	PENERANGAN FAEDAH	ANGGARAN FAEDAH TAHUNAN
Google Search & Ads	Faedah pengiklanan bersih untuk perniagaan ¹	MYR5.7 bilion (USD1.4 bilion)
AdSense	Faedah pengiklanan bersih untuk perniagaan ¹ Pendapatan yang dijana oleh penerbit laman web melalui AdSense	MYR79 juta (USD19 juta) MYR245 juta (USD58.3 juta)
YouTube	Faedah pengiklanan bersih untuk perniagaan ¹ Hasil pengiklanan yang diperoleh oleh pencipta video YouTube	MYR357 juta (USD85.2 juta) MYR146 juta (USD34.7 juta)
Google Play	Pendapatan yang dijana oleh pembangun aplikasi di Malaysia daripada pasaran domestik dan antarabangsa melalui Google Play	MYR515 juta (USD122.7 juta)
JUMLAH FAEDAH PERNIAGAAN TAHUNAN DI MALAYSIA:		MYR7.1 BILION (USD1.7 BILION)

1. Manfaat pengiklanan bersih merujuk kepada pendapatan tambahan yang diperoleh daripada iklan ditolak kos iklan.

Nota: Angka dianggarkan berdasarkan data tahunan terkini yang tersedia pada saat penyelidikan pada tahun 2020.

SUMBER: Analisis AlphaBeta

KOTAK 12.

SUMBANGAN GOOGLE KEPADA KERAJAAN, PERNIAGAAN DAN PEKERJA SEMASA PANDEMIK COVID-19

MENJAGA KESIHATAN AWAM DAN MEMBOLEHKAN PENYAMPAIAN MAKLUMAT YANG CEKAP

Alat pengiklanan Google terbukti sangat berguna semasa pandemik COVID-19 bukan hanya kepada perniagaan, tetapi juga bagi pihak kerajaan. Untuk membantu tindak balas Malaysia terhadap COVID-19, Google menyumbangkan dana iklan sebanyak MYR15.5 juta (US\$3.75 juta) untuk menyokong usaha kerajaan dalam menyampaikan maklumat penting tentang cara mencegah penularan COVID-19, sekaligus menyokong pelancaran vaksin.¹⁵³ Di samping itu, Google bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk melancarkan mikrosit COVID-19 dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa

Melayu.¹⁵⁴ Laman web itu mengandungi maklumat seperti gejala, pencegahan dan rawatan, serta pautan kepada sumber maklumat yang berwibawa daripada laman web kerajaan untuk memastikan bahawa rakyat dapat mengakses pengumuman kesihatan awam yang penting dengan mudah (seperti kemas kini mengenai jumlah kes yang dijangkiti, perubahan Prosedur Operasi Standard (SOP)). Google juga memberikan MYR1.9 juta dalam bentuk kredit API **Google Maps** untuk menyokong fungsi pemetaan dalam aplikasi MySejahtera dan memastikan bahawa pusat ujian COVID-19 disenaraikan dan dapat ditemukan pada Google Maps.

MENGAKTIFKAN PENGATURAN KERJA JARAK JAUH SEMASA PANDEMIK

Apabila lebih banyak perniagaan menyesuaikan diri dengan pengaturan kerja dari rumah semasa pandemik COVID-19, lebih banyak keupayaan perisian persidangan video **Google Meet** (iaitu membenarkan perjumpaan yang lebih besar hingga 250 peserta setiap panggilan) disediakan secara percuma untuk semua perniagaan di Malaysia yang menggunakan Google Workspace (dahulunya dikenali sebagai "G Suite"). Ini membolehkan syarikat untuk terus berhubung dan bekerja dari jauh dari mana sahaja di dunia.¹⁵⁵



MENYOKONG KELANGSUNGAN PERNIAGAAN

Ketika pandemik COVID-19 berlaku, banyak perniagaan menyaksikan kemerosotan pendapatan di kedai kerana kebanyakan orang tinggal di rumah dan tidak keluar kerana takut dijangkiti virus. **Business Profile di Google** berperanan untuk mewujudkan

153. Google Ads Bantuan (2020), "COVID-19: Ad credits for Google Ads Small and Medium-sized Businesses [COVID-19: Kredit iklan untuk Google Ads Perniagaan Kecil dan Sederhana]". Terdapat di: <https://support.google.com/google-ads/answer/9803410?hl=en>

154. Maklumat & Sumber COVID-19 (2020), Terdapat di: https://www.google.com/intl/en_my/covid19/

155. Google Cloud (2020), "Helping businesses and schools stay connected in response to coronavirus [Membantu perniagaan dan sekolah terus berhubung sebagai tindak balas terhadap koronavirus]". Terdapat di: <https://cloud.google.com/blog/products/g-suite/helping-businesses-and-schools-stay-connected-in-response-to-coronavirus>



Photo Source: <https://www.facebook.com/cookingwithlovebakewithheart/photos/116396376371362>

kedai digital bagi perniagaan untuk menjual secara dalam talian dan memperluas jangkauan mereka untuk mendapatkan pelanggan baru. Setiap bulan pada tahun 2020, Google membantu mendorong lebih daripada 44 juta sambungan langsung, termasuk panggilan telefon, permintaan arah, mesej, tempahan, dan ulasan untuk perniagaan Malaysia.¹⁵⁶ Contohnya, Dough By Sara Bakery di Malaysia berjaya memperluas perolehan pelanggannya sebanyak 230 peratus dan meningkatkan penjualannya sebanyak 300 peratus menggunakan alat tersebut. Dengan mencipta sebuah profil perniagaan di **Business Profile**, bakal pelanggan yang berpotensi dapat mencari perniagaan berdekatan di **Google Search** dan **Google Maps**, untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang produk dan perkhidmatan yang

ditawarkan. Untuk PKS, penyenaraian percuma membolehkan peniaga memuat naik maklumat terbaru perniagaan mereka, berhubung dengan pelanggan mereka secara digital, dan menyediakan platform untuk perniagaan supaya mereka boleh terus menjual produk dan perkhidmatan mereka tanpa sebarang kos.

Selain Business Profile yang percuma, Google juga menambah ciri baharu memudahkan perniagaan untuk mendapat sumber pendapatan baharu yang muncul semasa pandemik COVID-19. Dengan peningkatan permintaan pengguna terhadap penghantaran dan pengambilan makanan, perniagaan yang mencipta profil di Business Profile diberi pilihan untuk menambahkan atribut makanan seperti "bawa pulang" dan "penghantaran tanpa sentuh" pada profil mereka. Ini memudahkan pengguna semasa mereka memesan makanan sambil mengurangkan hubungan fizikal. Pada masa yang sama, perniagaan dapat terus beroperasi sambil mematuhi langkah penjarakan sosial.

Tambahan lagi, **Google Trends** dan **Google Analytics** membantu perniagaan memahami tingkah laku pelanggan dengan lebih baik. Misalnya, TheLorry.com, sebuah platform logistik berdasarkan permintaan di Malaysia, menggunakan Google Trends untuk mengetahui bahawa terdapat lonjakan permintaan pengiriman barang runcit semasa pandemik, yang mendorong perniagaan itu untuk mengalihkan perniagaannya dari logistik ke perniagaan penghantaran bahan makanan segar dan barang keperluan rumah yang dipanggil "TheLorry Grocer."¹⁵⁷ Selain itu, Langit Collective, perusahaan sosial yang membantu petani yang berpusat di Malaysia Timur menjual hasilnya di Semenanjung Malaysia, menggunakan Google Analytics untuk memahami tentang cara pelanggan melibatkan diri dengan platform e-dagang mereka semasa pandemik.¹⁵⁸ Maklumat ini membantu Langit Collective untuk meningkatkan pengalaman beli-belah bagi pelanggan.

156. YouTube (2021), "Agenda AWANI: Empowering SMEs in the digital era [Agenda AWANI: Perkasakan PKS di era digital]". Terdapat di: <https://youtu.be/fCz435t5gv0>

157. Google, "From logistics to groceries, TheLorry switches gears to become relevant in uncertain times. [Dari logistik ke kedai runcit, TheLorry menukar gear untuk menjadi relevan pada masa yang tidak menentu.]" Terdapat di: https://services.google.com/fh/files/events/final_economic_recovery_case_study-thelorry.pdf

158. Google, "Langit Collective engages with consumers online by seamlessly blending traditional with digital. [Langit Collective berinteraksi dengan pengguna dalam talian dengan menggabungkan tradisional dengan digital.]" Terdapat di: https://services.google.com/fh/files/events/economic_recovery_case_study-langit-collective.pdf

MANFAAT KEPADA PENGGUNA

**PENGGUNA DI MALAYSIA MENERIMA
FAEDAH TAHUNAN BERNILAI
MYR32.7 BILION (USD7.8 BILION)
DARIPADA PERKHIDMATAN GOOGLE**

Manfaat pengguna yang disokong oleh Google sangat sukar untuk diukur dan dikira kerana individu biasanya tidak membayar untuk perkhidmatan tersebut. Disebabkan ketiadaan petunjuk harga, prinsip ekonomi "kesanggupan untuk bayar" diterapkan untuk menganggarkan nilai faedah kepada pengguna dengan bertanya kepada individu apakah nilai yang mereka letakkan pada produk tertentu (rujuk Kotak 10). Apabila digabungkan, Google Search, Google Maps, YouTube, Google Play, Drive, Photos, Docs, dan Sheets dianggarkan membawa faedah keseluruhan pengguna tahunan bernilai MYR32.7 bilion (USD7.8 bilion). Nilai ini

merangkumi tiga kategori faedah utama yang disediakan oleh aplikasi Google: kemudahan mengakses maklumat (Google Search), hiburan dan pengayaan (Google Play dan YouTube), dan peningkatan produktiviti dan kemudahan (Google Maps, Google Drive, Photos, Docs, dan Sheets). Pameran 9 menunjukkan pecahan lebihan pengguna mengikut kategori.

**GOOGLE MEMBERIKAN AKSES KEPADA
MAKLUMAT YANG LEBIH BAIK KEPADA
PENGGUNA DI MALAYSIA**

Google memberikan faedah kepada pengguna di Malaysia dengan membenarkan mereka mengakses pelbagai maklumat secara dalam talian dengan serta-merta. Jumlah lebihan pengguna tahunan yang dihasilkan oleh Google Search dianggarkan bernilai

PAMERAN 9:

GOOGLE DIANGGARKAN AKAN MENYOKONG LEBIHAN TAHUNAN PENGGUNA BERNILAI MYR32.7 BILION (USD7.8 BILION) DI MALAYSIA

ANGGARAN LEBIHAN PENGGUNA TAHUNAN PRODUK GOOGLE DI MALAYSIA LEBIHAN PENGGUNA (MYR)		
JENIS FAEDAH	PRODUK	LEBIHAN PENGGUNA TAHUNAN
Kemudahan mengakses maklumat	Google Search	MYR8 bilion (USD1.9 bilion)
Hiburan dan pengayaan	Google Play YouTube	MYR14.1 bilion (USD3.4 bilion)
Peningkatan produktiviti dan kemudahan	Google Maps Google Drive, Photos, Docs dan Sheets	MYR10.6 bilion (USD2.5 bilion)
JUMLAH LEBIHAN PENGGUNA TAHUNAN:		MYR32.7 BILION (USD7.8 BILION)

Nota: Angka dianggarkan berdasarkan data tahunan terkini yang tersedia pada saat penyelidikan pada tahun 2020.
Sumber: Analisis AlphaBeta

sebanyak MYR8 bilion (USD1.9 bilion) (Pameran 9). Berdasarkan kajian antarabangsa yang menunjukkan bahawa pencarian sebilangan maklumat yang memakan masa 21 minit di perpustakaan hanya memerlukan tujuh minit dalam talian, ia dianggarkan bahawa Google Search menjimatkan pengguna di Malaysia 4.4 hari secara purata setiap tahun.¹⁵⁹

PERKHIDMATAN GOOGLE MENINGKATKAN PRODUKTIVITI DAN KEMUDAHAN BAGI PENGGUNA DI MALAYSIA

Dengan membenarkan data digital disimpan dan diakses melalui beberapa peranti, termasuk komputer riba, tablet, dan telefon pintar, perkhidmatan berasaskan awan Google seperti **Google Drive, Photos, Docs, dan Sheets** memberikan kemudahan yang besar kepada pengguna di Malaysia. Perkhidmatan ini membolehkan mereka mengurus fail, folder, muzik dan



gambar dengan cepat – tanpa perlu mengambil maklumat daripada suatu perkakasan.

Google Maps menghasilkan produktiviti dalam pengangkutan awam dan perjalanan pengguna di Malaysia melalui ciri pencarian dan navigasi perkhidmatan, yang mengoptimumkan perjalanan ini menggunakan data masa nyata seperti waktu ketibaan pengangkutan awam dan keadaan lalu lintas jalan raya. Jumlah faedah tahunan pengguna diperoleh daripada alat peningkatan produktiviti seperti Google Maps, Google Drive, Photos, Docs, dan Sheets dianggarkan bernilai sebanyak MYR10.6 bilion (USD2.5 bilion).

PERKHIDMATAN GOOGLE MENGHIBURKAN DAN MEMPERKAYAKAN PENGGUNA DI MALAYSIA

YouTube telah memberikan faedah yang besar kepada pengguna sebagai sumber hiburan percuma dan juga saluran untuk pengguna mempelajari kemahiran baharu (seperti video “cara-untuk” dalam talian) atau menimba pengetahuan baharu (seperti dokumentari dalam talian). Menurut penyelidikan AlphaBeta, lebih daripada 40 peratus pengguna YouTube di Malaysia mengatakan mereka menggunakan perkhidmatan video dalam talian untuk mempelajari kemahiran digital seperti pengekodan, pengaturcaraan perisian, dan aplikasi mudah alih dan pembangunan laman web.¹⁶⁰

Google Play dan Android juga membawa pelbagai faedah kepada pengguna di Malaysia. Misalnya, Android membolehkan pengguna memilih lebih daripada 3.5 juta aplikasi yang tersedia di ekosistem Android.¹⁶¹ Pada masa yang sama, Google Play adalah platform yang mudah bagi pengguna untuk mengakses pelbagai aplikasi telefon pintar, serta buku digital, muzik, dan filem.

YouTube dan Google Play dianggarkan membawa lebih pengguna sebanyak MYR14.1 bilion (USD3.4 bilion) kepada pengguna di Malaysia setiap tahun.¹⁶²

159. Yan Chen, Grace Young Joo Jeon dan Yong-Mi Kim (2014). *A day without a search engine: an experimental study of online and offline search* [Sehari tanpa enjin carian: kajian eksperimental carian dalam talian dan luar talian]. *Experimental Economics*. Terdapat di: <https://link.springer.com/article/10.1007/s10683-013-9381-9>

160. Tinjauan Laporan Kesan Ekonomi Google/AlphaBeta, n = 547. Peratus mewakili penggunaan perkhidmatan video dalam talian untuk mempelajari kemahiran digital lanjut dalam kalangan pengguna di Malaysia apabila YouTube merupakan perkhidmatan video dalam talian yang mereka paling kerap gunakan.

161. App Annie (2017), “Top Predictions for the App Economy in 2018 [Ramalan Teratas untuk Ekonomi Aplikasi pada tahun 2018]”. Terdapat di: <https://www.appannie.com/en/insights/market-data/predictions-app-economy-2018/>

162. Tinjauan Laporan Kesan Ekonomi Google/AlphaBeta, n = 547. Lebihan pengguna menunjukkan kelebihan ekonomi bagi pengguna di Malaysia daripada penggunaan Google Play. Lihat perincian lebih lanjut di Lampiran B untuk metodologi.



PENCIPTAAN PELUANG PEKERJAAN DAN MANFAAT LAIN KEPADA MASYARAKAT YANG LEBIH LUAS

Produk Google juga membawa kebaikan kepada masyarakat yang lebih luas di Malaysia. Ini termasuk penciptaan pekerjaan baharu di dalam ekonominya (dibawa oleh perkembangan perniagaan yang dibolehkan produk Google), serta kelebihan tersirat lain melalui program-programnya. Dalam bidang ekonomi, ini sering disebut sebagai "keuntungan limpahan". Manfaat ini mungkin tidak akan muncul dalam unjuran KDNK hari ini tetapi terdiri daripada objektif lain yang penting untuk mengukuhkan ekonomi Malaysia dari masa ke masa. Manfaat ini adalah hasil penggunaan produk Google atau inisiatif langsung dan perkongsian strategik yang telah dilakukan Google di Malaysia. Selain membantu perniagaan dan pengguna di Malaysia, produk dan program syarikat ini memberikan pelbagai manfaat sosial, seperti menyokong usahawan wanita dalam memanfaatkan alat digital untuk mengembangkan perniagaan mereka dan mempromosikan penggunaan Internet yang selamat.

GOOGLE SECARA TIDAK LANGSUNG MENYOKONG LEBIH DARIPADA 31,000 PEKERJAAN DI MALAYSIA

Pada tahap yang lebih luas, Google telah memudahkan penciptaan pekerjaan dalam ekonomi ini melalui produknya. Melalui Google Ads, AdSense, dan YouTube, Google secara tidak langsung menyokong **penciptaan lebih daripada 31,000 pekerjaan** di Malaysia setiap tahun.¹⁶³ Peluang pekerjaan ini tercipta melalui penggunaan produk-produk Google yang membolehkan perniagaan memperluaskan pangkalan pelanggan mereka dan sekaligus meningkatkan pendapatan mereka.¹⁶⁴ Misalnya, perniagaan yang memperluas jangkauannya ke pasaran baharu melalui iklan menggunakan Google Ads, AdSense, dan YouTube akan memerlukan peningkatan tenaga kerja untuk memenuhi permintaan tambahan ini.

¹⁶³. Merujuk kepada pekerjaan yang disokong oleh Google Ads, AdSense dan YouTube. Anggaran pekerjaan tidak termasuk pendapatan yang diperoleh oleh penerbit laman web yang menggunakan AdSense dan pencipta kandungan YouTube kerana mereka mungkin terdiri daripada pekerja bebas dan individu yang menerbitkan laman web dan video secara rekreasi, dan dengan demikian tidak termasuk dalam mana-mana sektor industri formal.

¹⁶⁴. Pekerjaan yang disokong merujuk pada pekerjaan baharu yang mungkin telah dihasilkan melalui penggunaan platform Google oleh perniagaan, serta pekerjaan yang sedang merekrut sejak sebelum itu.



GOOGLE MELUASKAN PELUANG KEMAHIRAN DIGITAL KEPADA USAHAWAN WANITA

Contohnya, dengan kerjasama Nestle (Maggi), Google melancarkan “Wanita Cukup Berani,” yang bertujuan untuk menggalakkan dan memberi keyakinan kepada wanita untuk mengambil langkah pertama dalam keusahawanan. Program ini telah melatih lebih daripada 1,000 wanita di Malaysia mengenai cara memanfaatkan alat digital dalam pekerjaan dan perniagaan mereka. Program ini merangkumi siri bengkel dalam talian dan bimbingan peribadi. Bagi seorang peserta, Afzuzilla Mislan, 33, menyifatkan penyertaannya dalam bengkel dalam talian itu berjaya mengubah persepsi dirinya terhadap kehidupan dan bidang perniagaan yang diusahakan - “Sebagai golongan B40, Covid-19 sememangnya memberi kesan kepada kehidupan kami sekeluarga. Jadi, saya perlu belajar sesuatu untuk memajukan perniagaan ais krim yang diusahakan. Sejurnya, banyak yang dipelajari khususnya. Sebelum ini, ia mungkin dijalankan secara ‘orang kampung’ tetapi kini lebih teratur dan profesional”.¹⁶⁵ Bengkel ini merangkumi modul tentang cara menggunakan komunikasi digital dengan jayanya, membina keyakinan,

dan meningkatkan kemahiran perniagaan khusus untuk memasak.

GOOGLE MEMASTIKAN PENGGUNAAN INTERNET YANG SELAMAT DAN TERJAMIN

Sebagai sebahagian daripada komitmen Google yang lebih luas untuk memastikan penggunaan Internet yang selamat dan terjamin, Google melancarkan program “Be Internet Awesome” pada tahun 2018. Program ini dirancang untuk kanak-kanak belajar mengenai asas-asas kewarganegaraan dan keselamatan digital sehingga mereka dapat menavigasi Internet dengan yakin dan selamat.¹⁶⁶ Diselaraskan dengan inisiatif “Klik Dengan Bijak” yang dilancarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk mempromosikan keselamatan digital, Google bekerjasama dengan penyedia komunikasi tempatan, Maxis Communications, untuk melatih lebih daripada 150 peserta mengenai keselamatan Internet.¹⁶⁷ Peserta yang terlatih akan terus membantu membimbing pelajar Maxis “eKelas”, inisiatif pembelajaran digital selepas sekolah untuk pelajar luar bandar dan bandar, mengenai asas keselamatan dalam talian dan cara menjadi pengguna Internet yang yakin.

165. Kosmo (2020), “Wanita Cukup Berani”. Terdapat di: <https://www.kosmo.com.my/2020/12/30/wanita-cukup-berani/>

166. Google (2021), “Be Internet Awesome.” Terdapat di: <https://beinternetawesome.withgoogle.com/th/th/>

167. Maxis (2018), “Maxis Collaborates With Google To Teach eKelas Students On How To ‘Be Internet Awesome’ [Maxis Bekerjasama Dengan Google Untuk Mengajar Pelajar eKelas Bagaimana untuk ‘Be Internet Awesome’].”

Terdapat di: <https://www.maxis.com.my/en/about-maxis/newsroom/2018/september/maxis-collaborates-with-google-to-teach-ekelas-students-on-how-to-be-internet-awesome1/>

LAMPIRAN: METODOLOGI





A: MENGUKUR NILAI EKONOMI TEKNOLOGI DIGITAL

Dokumen ini memberikan metodologi terperinci, andaian dan sumber maklumat untuk mengukur potensi kesan ekonomi teknologi digital terhadap Malaysia pada tahun 2030.

LAMPIRAN A1: PENDEKATAN KESELURUHAN

Metodologi empat langkah digunakan untuk memahami potensi kesan ekonomi yang dihasilkan oleh teknologi digital pada tahun 2030 (Pameran A1).

PAMERAN A1:

METODOLOGI EMPAT LANGKAH DIGUNAKAN UNTUK MEMAHAMI TENTANG CARA TEKNOLOGI DIGITAL DAPAT MENGUBAH PEMBANGUNAN EKONOMI

	LANGKAH 1 Kenal pasti teknologi digital	LANGKAH 2 Sejajarkan pada sektor tumpuan	LANGKAH 3 Kenal pasti aplikasi teknologi yang relevan dalam sektor tumpuan	LANGKAH 4 Kira saiz nilainya pada 2030
Aktiviti	Kenal pasti teknologi digital utama yang telah menunjukkan kepentingan dalam mendorong perniagaan dan nilai kepada pelanggan menurut sumber ilmiah	Kenal pasti sektor utama ekonomi, berdasarkan kesesuaian teknologi tersebut dan kepentingannya untuk pekerjaan dan KDNK secara keseluruhan	Fahami aplikasi teknologi yang relevan dalam sektor tumpuan, termasuk sumber nilai	Anggarkan nilai (dalam istilah mata wang tempatan) aplikasi teknologi ini di setiap sektor pada tahun 2030 berdasarkan senario penggunaan sepenuhnya
Metodologi	Laporan industri – seperti Institusi Global McKinsey, Forum Ekonomi Dunia	Laporan teknologi untuk mengenal pasti kesan sektor teknologi; data negara tempatan untuk kepentingan sektor kepada KDNK, pekerjaan	Kajian semula laporan teknologi peringkat sektor	Kajian kes, digandingkan dengan pemeriksaan semula atas-bawah berdasarkan perbandingan dengan laporan penyelidikan lain mengenai nilai keseluruhan teknologi

LANGKAH 1: KENAL PASTI TEKNOLOGI DIGITAL

Beberapa laporan penyelidikan yang sedia ada mengenai teknologi digital semasa dan yang baru muncul dikaji untuk mengenal pasti teknologi yang paling relevan untuk difokuskan untuk analisis ini dari segi potensi kesan ekonomi mereka. Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan oleh ahli akademik, pengamal pembangunan, organisasi bukan keuntungan serta sektor swasta dan awam mengenai interaksi antara teknologi dengan pembangunan ekonomi. Pada tahun 2013, Institusi Global McKinsey mengenal pasti 12 aliran gangguan yang akan mengubah kehidupan, perniagaan dan ekonomi global.¹⁶⁸ Daripada aliran ini, tujuh dianggap sebagai digital secara semula jadi: Internet mudah alih; automasi pengetahuan; IoT yang sering digabungkan dengan teknologi geospasial dan satelit (misalnya sensor jarak jauh); teknologi awan; robotik lanjutan; kenderaan autonomi dan hampir autonomi; dan pembuatan bahan tambahan (lebih dikenali sebagai percetakan 3D).

Sejak 2013, beberapa teknologi telah ditambahkan pada senarai ini kerana kesan ekonomi dan sosial bertransformasi yang berpotensi. Sebagai contoh, rangkaian pembangunan antarabangsa yang berpangkalan di UK, Bond, mencatat perubahan pesat dalam teknologi yang membentuk pembangunan antarabangsa antara 2016 hingga 2019. Teknologi yang baru muncul merangkumi data besar, teknologi kewangan (FinTech), pembelajaran mesin dan juga blok rantai. Teknologi ini sama sekali tidak eksklusif dan garisan antara perkara yang membentuk teknologi yang berbeza dibandingkan dengan aplikasi teknologi mungkin tidak jelas. Sebagai contoh, AI menggunakan data besar yang sering bergantung kepada teknologi pengkomputeran awan untuk membekalkan kuasa penyimpanan dan tenaga kuda pemprosesan untuk pembelajaran mesin dan analisis lain. Kenderaan

autonomi juga mengandungi banyak sensor, yang kebanyakannya menggunakan Internet seperti IoT. Pameran 1 dalam Bab 1 memberikan keseluruhan tentang lapan lapan teknologi digital utama dengan implikasi yang signifikan terhadap pembangunan ekonomi.

LANGKAH 2: SEJAJARKAN PADA SEKTOR TUMPUAN

Untuk memahami keluaran ekonomi semasa dan berpotensi teknologi digital ini, satu set sektor tumpuan telah dikenal pasti. Sektor-sektor ini dipilih berdasarkan dua langkah:

- Menggabungkan industri, pada tahap 1 digit ISIC, dengan sektor yang lebih luas untuk analisis yang mudah.¹⁶⁹ Ini dipandu oleh keterkaitan setiap industri untuk teknologi digital (berdasarkan penyelidikan masa lalu yang mengukur potensi manfaat industri teknologi digital ini).¹⁷⁰
- Mengutamakan sektor berdasarkan kepentingannya terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), yang disokong oleh bahagian sektor ini dalam KDNK nasional. Setiap sektor yang dipilih mesti mewakili lebih daripada 1.5 peratus daripada KDNK nasional.

Klasifikasi industri Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dikecualikan kerana nilai tambahan kepada ekonomi hampir sepenuhnya adalah didorong oleh teknologi dan sebahagian besar nilai daripada teknologi digital di sektor ini akan diambil kira di sektor lain sebagai pemasukan kepada pengeluaran.

Berdasarkan langkah-langkah ini, sepuluh sektor telah dipilih.¹⁷¹ Sektor-sektor ini terdiri daripada Pertanian dan makanan (termasuk pembuatan makanan); Perkhidmatan pengguna, peruncitan dan hospitaliti; Pendidikan dan latihan; Perkhidmatan kewangan;

168. Disruptive technologies: Advances that will transform life, business, and the global economy [Teknologi gangguan: Kemajuan yang akan mengubah kehidupan, perniagaan, dan ekonomi global]. Terdapat di: <https://www.mckinsey.com/business-functions/digital-mckinsey/our-insights/disruptive-technologies>

169. Sektor-sektor ini secara unik sesuai dengan Klasifikasi Industri Pialawan Antarabangsa untuk Semua Kegiatan Ekonomi (ISIC) yang relevan dengan pengecualian "Pengguna, peruncitan dan hospitaliti", menggabungkan ISIC Sektor G: Perdagangan borong dan runcit; pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal dan Sektor I: Kegiatan perkhidmatan penginapan dan makanan; "Infrastruktur", yang menggabungkan Sektor ISIC F: Pembinaan dan L: aktiviti harta tanah; dan "Sumber", menggabungkan Sektor B ISIC: Perlombongan dan penggalian; Sektor D: Elektrik; bekalan gas, wap dan penyiaran udara dan Sektor E: Aktiviti bekalan air, pembentangan, pengurusan sisa dan pemuliharan.

170. Ini adalah berdasarkan pelbagai laporan. Sebagai contohnya, Institusi Global McKinsey (2014), Southeast Asia at the crossroads: Three paths to prosperity [Asia Tenggara di persimpangan jalan: Tiga jalan menuju kemakmuran] (Terdapat di: https://www.mckinsey.com/~media/McKinsey/Featured%20Insights/Asia%20Pacific/Three%20paths%20to%20sustained%20economic%20growth%20in%20Southeast%20Asia/MGI%20SE%20Asia_Executive%20Summary_November%202014.pdf); dan Institusi Global McKinsey (2014), India's tech opportunity: Transforming work, empowering people [Peluang teknologi India: Mentransformasikan kerja, memperkasakan insan] (Terdapat di: https://www.mckinsey.com/~media/mckinsey/industries/technology%20media%20and%20telecommunications/high%20tech/our%20insights/indias%20tech%20opportunity%20transforming%20work%20empowering%20people/mgi%20india%20tech_full%20report_december%202014.pdf).

171. Di Malaysia, kesemua sepuluh sektor telah memenuhi kriteria dalam Langkah 2.

Kerajaan; Kesihatan; Infrastruktur (termasuk utiliti seperti tenaga dan air); Pembuatan; Perkhidmatan pengangkutan; Sumber (termasuk perlombongan dan minyak & gas).

LANGKAH 3: KENAL PASTI APLIKASI TEKNOLOGI YANG RELEVAN DALAM SEKTOR TUMPUAN

Aplikasi teknologi yang relevan dalam sektor tumpuan dan sumber nilainya (misalnya pengurangan pembaziran dalam pengeluaran, penambahbaikan tawaran kepada pengguna) dikenal pasti berdasarkan kajian sumber ilmiah untuk setiap satu daripada lapan teknologi tumpuan. Aplikasi teknologi ini termasuk pemacu nilai perniagaan yang nyata, seperti penggunaan pemantauan pesakit jarak jauh untuk membolehkan rawatan berkelas hospital di rumah menggunakan sensor canggih, alat perubatan pintar, dan robotik. Senarai aplikasi teknologi ini, dikategorikan berdasarkan sektor dan teknologi digital utama, ditunjukkan pada Pameran 2 dalam Bab 1. Beberapa teknologi digital yang baru muncul seperti blok rantai telah dipertimbangkan tetapi tidak dianalisis kerana masih dalam peringkat baharu dan anggaran

impak ekonomi sukar diperoleh.

LANGKAH 4: KIRA SAIZ NILAINYA PADA 2030

Nilai (dalam istilah mata wang tempatan) aplikasi teknologi ini di setiap sektor kemudian diukur pada tahun 2030 (berdasarkan potensi yang dinilai terkait dengan penanda aras).

Senario "penerapan penuh" dianalisis. Dalam senario ini, negara ini dianggap telah mencapai penerapan digital sepenuhnya (100 peratus) dalam 40 aplikasi teknologi digital dalam sepuluh sektor. Senario ini dimodelkan untuk merangka peluang maksimum yang boleh dicapai. Satu siri kajian kes antarabangsa dan negara khusus digunakan untuk setiap aplikasi teknologi dalam ukuran tersebut. Pemeriksaan semula terhadap hasilnya kemudian dilakukan dengan membandingkan anggaran keseluruhan sektor dan ekonomi dengan laporan penyelidikan lain. **Anggaran ini tidak mewakili KDNK atau ukuran pasaran (pendapatan), dan sebaliknya mewakili kesan ekonomi seperti kenaikan produktiviti, peningkatan pendapatan dan penjimatan kos.**

LAMPIRAN A2: PENDEKATAN, ANDAIAN DAN SUMBER KHUSUS

Jadual 1 meringkaskan metrik utama dan sumber yang biasa digunakan untuk ukuran peluang ekonomi aplikasi teknologi digital.

Andaian dan sumber maklumat khusus yang digunakan untuk mengukur setiap aplikasi teknologi digital dalam setiap sektor ditunjukkan di bawah. Andaian ini digunakan untuk menganggar senario "penerapan penuh" pada tahun 2030.

JADUAL 1: METRIK DAN SUMBER UTAMA UNTUK MENGUKUR PELUANG EKONOMI

METRIK	SUMBER
KDNK / KDNK per kapita	<ul style="list-style-type: none"> • Statistik KDNK Bank Dunia • Anggaran pertumbuhan KDNK Sebenar Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) • Jabatan Perangkaan Malaysia
Populasi	<ul style="list-style-type: none"> • Set data Populasi Jabatan Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
Tenaga buruh	<ul style="list-style-type: none"> • Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) • Statistik Tenaga Kerja Bank Dunia • Jabatan Perangkaan Malaysia
Upah	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Perangkaan Malaysia
Kadar pertukaran	<ul style="list-style-type: none"> • OFX

PERTANIAN DAN MAKANAN

PENERANGAN	ANGGAPAN PENGUKURAN	SUMBER
1. TEKNOLOGI PERTANIAN TEPAT		KEUNTUNGAN PRODUKTIVITI / PENJIMATAN KOS
Pengoptimuman berdasarkan data untuk pengeluaran tanaman dan daging	Diukur berdasarkan penambahan produktiviti daripada peningkatan hasil, serta penjimatan kos daripada pengurangan penggunaan sumber di dalam pertanian. Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (2019) mendapati bahawa pertanian tepat menjimatkan 17 peratus daripada jumlah kos persenyawaan dan meningkatkan kecekapan pengeluaran sebanyak 20 peratus berbanding kaedah persenyawaan konvensional. Anggaran peringkat negara diperoleh berdasarkan keberkesanan teknologi dalam konteks landskap pertanian negara dan KDNK sektor pertaniannya.	<ul style="list-style-type: none"> Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (2019)¹⁷² Bank Dunia¹⁷³
2. PENGURUSAN RANTAIAN BEKALAN		PENINGKATAN PENDAPATAN
Teknologi IoT untuk membantu mengurangkan sisa makanan dalam rantaian bekalan	Diukur berdasarkan penambahan pendapatan akibat pengurangan kerugian makanan yang berlaku di dalam rantaian bekalan. Institusi Global McKinsey (2014) menganggarkan bahawa sepuluh peratus hingga 15 peratus daripada semua sisa makanan di seluruh rantaian bekalan dapat dipulihkan daripada pengurusan rantaian bekalan yang dibolehkan oleh teknologi. Anggaran peringkat negara diperoleh berdasarkan sisa makanan tahunan daripada rantaian bekalan yang dianggarkan untuk meningkat pada kadar tetap.	<ul style="list-style-type: none"> Institusi Global McKinsey (2014)¹⁷⁴ Gabungan Makanan dan Penggunaan Tanah¹⁷⁵
3. TEKNOLOGI KESELAMATAN MAKANAN		PENINGKATAN PENDAPATAN
Menggunakan sensor, teknik pemantauan dan analisis data untuk memastikan keselamatan bio produk makanan dan meramalkan masa kebimbangan mungkin timbul	Diukur berdasarkan penjimatan kos akibat pengurangan kerugian daripada pencemaran makanan. Fast Company (2017) melaporkan bahawa peningkatan kebolehkesan makanan melalui penginderaan, pengesanan dan teknologi pemantauan data dapat meningkatkan peratusan makanan yang tiba di premis peruncit dengan kesegaran sasaran, daripada 30 peratus kepada 90 peratus. PricewaterhouseCoopers (2015) menganggarkan kos penipuan makanan global, yang diproksi oleh kehilangan penjualan disebabkan oleh kesan buruk terhadap kesihatan adalah antara USD30 bilion hingga USD40 bilion setahun. Pertumbuhan kos penipuan makanan diperoleh berdasarkan anggaran FAO mengenai pertumbuhan permintaan makanan global. Anggaran kerugian peringkat negara daripada pencemaran makanan diperoleh berdasarkan bahagian relatif KDNK global.	<ul style="list-style-type: none"> Fast Company (2017)¹⁷⁶ PricewaterhouseCoopers (2015)¹⁷⁷ Organisasi Makanan dan Pertanian Amerika Syarikat¹⁷⁸

172. Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (2019). "Precision Agriculture in Malaysia [Pertanian Tepat di Malaysia]". Terdapat di: <https://ap.fft.org.tw/article/1417>

173. Bank Dunia (2018). Terdapat di: <https://blogs.worldbank.org/opendata/new-country-classifications>

174. Institusi Global McKinsey (2014). Southeast Asia at the crossroads: Three paths to prosperity [Asia Tenggara di persimpangan jalan: Tiga jalan menuju kemakmuran]. Terdapat di: <https://www.mckinsey.com/featured-insights/asia-pacific/three-paths-to-sustained-economic-growth-in-southeast-asia>

175. Gabungan Makanan dan Penggunaan Tanah (2019). Reducing Food Loss and Waste [Mengurangkan Kehilangan dan Pembaziran Makanan]. Terdapat di: <https://www.foodandlandusecoalition.org/wp-content/uploads/2019/09/Critical-Transitions-6-Reducing-Food-Loss-and-Waste.pdf>

176. Fast Company (2017). "These high-tech sensors track exactly how fresh our produce is so we stop wasting food. [Sensor berteknologi tinggi ini mengesan kesegaran produk kami, oleh itu kami berhenti membuat makanan]." Terdapat di: <https://www.fastcompany.com/40424163/these-high-tech-sensors-track-exactly-how-fresh-our-produce-is-so-we-stop-wasting-food>

177. PricewaterhouseCoopers (2015). Food fraud vulnerability assessment [Penilaian kerentanan makanan]. Terdapat di: <https://www.pwc.com/gx/en/industries/assets/food-fraud-vulnerability-assessment.pdf>

178. Organisasi Makanan dan Pertanian Amerika Syarikat (2002). "World agriculture 2030: Main findings [Pertanian dunia 2030: Penemuan utama]." Terdapat di: <http://www.fao.org/english/newsroom/news/2002/7833-en.html>

PENGGUNA, PERUNCITAN DAN HOSPITALITI

PENERANGAN	ANGGAPAN PENGUKURAN	SUMBER
1. SALURAN DIGITAL UNTUK PENJUALAN DAN PEMASARAN DALAM SEKTOR PERUNCITAN		KEUNTUNGAN PRODUKTIVITI
Kenaikan produktiviti daripada penghantaran barang runcit melalui saluran digital yang mengurangkan kos tenaga kerja, inventori dan harta tanah	Diukur berdasarkan peningkatan produktiviti daripada penghantaran barang secara digital, Institusi Global McKinsey (2013) menganggarkan bahawa peningkatan produktiviti daripada menjual barang melalui saluran digital adalah antara enam hingga 15 peratus, berdasarkan keperluan tenaga kerja yang kurang, kecekapan inventori dan kos harta tanah yang lebih rendah. Anggaran peringkat negara diperoleh berdasarkan penjualan runcit dan operasi e-dagang domestik (dengan anggapan kadar pertumbuhan berterusan).	<ul style="list-style-type: none"> Institusi Global McKinsey (2013)¹⁷⁹
2. PENGURUSAN INVENTORI YANG DIDAYAKAN OLEH IOT		PENINGKATAN PENDAPATAN
Penggunaan IoT untuk mengurangkan kehabisan stok	Diukur berdasarkan peningkatan pendapatan daripada mencakup jualan yang berkemungkinan hilang akibat kehabisan stok. Institusi Global McKinsey (2013) menganggarkan bahawa empat peratus penjualan runcit telah hilang kerana kehabisan stok, dan bahawa 35 peratus hingga 40 peratus daripada nilai ini dapat ditarik semula menggunakan IoT. Anggaran peringkat negara diperoleh berdasarkan penjualan runcit domestik.	<ul style="list-style-type: none"> Institusi Global McKinsey (2013)¹⁸⁰
3. PERKHIDMATAN PELANGGAN AUTOMASI DAN AI DI HOTEL		PENINGKATAN PENDAPATAN
Penggunaan AI dan perkhidmatan automatik untuk daftar masuk jarak jauh di hotel	Diukur berdasarkan penambahan pendapatan daripada peningkatan kecekapan dalam prosedur pengesahan hotel. Colliers International (2019) menganggarkan bahawa pendapatan hotel boleh meningkat sebanyak sepuluh peratus melalui AI. The Vulcan Post melaporkan bahawa setiap prosedur pengesahan hotel biasanya memakan masa sepuluh minit. Lembaga Pelancongan Singapura menganggarkan bahawa sistem Pengesahan E-pelawat dapat menghapuskan proses manual dan mengurangkan masa daftar masuk hingga 70 peratus. Anggaran peringkat negara diperoleh berdasarkan pendapatan hotel.	<ul style="list-style-type: none"> Colliers International (2018)¹⁸¹ The Vulcan Post (2018)¹⁸² Lembaga Pelancongan Singapura (2019)¹⁸³

179. Institusi Global McKinsey(2013), Disruptive technologies: Advances that will transform life, business, and the global economy [Teknologi gangguan: Kemajuan yang akan mengubah kehidupan, perniagaan, dan ekonomi global]. Terdapat di: <https://www.mckinsey.com/business-functions/digital-mckinsey/our-insights/disruptive-technologies>

180. Institusi Global McKinsey (2013), Disruptive technologies: Advances that will transform life, business, and the global economy [Teknologi gangguan: Kemajuan yang akan mengubah kehidupan, perniagaan, dan ekonomi global]. Terdapat di: <https://www.mckinsey.com/business-functions/digital-mckinsey/our-insights/disruptive-technologies>

181. Colliers International (2018), "AI and automation to increase hotel revenues by 10% [AI dan automasi untuk meningkatkan pendapatan hotel sebanyak 10%]." Terdapat di: <https://www.hoteliermiddleeast.com/34362-ai-and-automation-to-increase-hotel-revenues-by-10/>

182. The Vulcan Post (2018), "No Queues, No Forms: this S'pore Startup Lets You Quickly Check To Hotels With A Selfie. [Tanpa Perlu Beratur, Tanpa Perlu Isi Borang: Syarikat awalan Singapura ini Membolehkan Anda Cepat Daftar Masuk Hotel Dengan Swafoto.]" Terdapat di: <https://vulcanpost.com/704429/trip-digital-hotel-check-in-singapore/>

183. Lembaga Pelancongan Singapura (2019), "Industry-wide initiatives to transform hotels for sustainable growth. [Inisiatif seluruh industri untuk mengubah hotel demi pertumbuhan lestari.]" Terdapat di: <https://www.stb.gov.sg/content/stb/en/media-centre/media-releases/industry-wide-initiatives-to-transform-hotels-for-sustainable-growth.html>

PENGGUNA, PERUNCITAN DAN HOSPITALITI (BERSAMBUNG)

PENERANGAN	ANGGAPAN PENGUKURAN	SUMBER
4. ANALISIS DATA MENGENAI CORAK PERJALANAN		PENINGKATAN PENDAPATAN
Penggunaan analisis data besar untuk meramalkan tingkah laku pengguna	Diukur berdasarkan peningkatan kepada pendapatan daripada promosi yang lebih tepat sasarnya kepada pelancong. Boston Consulting Group (2020) menganggarkan bahawa jenama-jenama mengalami peningkatan pendapatan sebanyak enam hingga sepuluh peratus disebabkan pengintegrasian data proprietari untuk menghasilkan pengalaman yang diperibadikan. Anggaran peringkat negara diperoleh berdasarkan pendapatan pelancongan.	<ul style="list-style-type: none"> Boston Consulting Group (2020)¹⁸⁴
5. PERKHIDMATAN PENGHANTARAN F&B DALAM TALIAN		PENINGKATAN PENDAPATAN
Penggunaan perkhidmatan penghantaran dalam talian	Diukur berdasarkan peningkatan kepada pendapatan daripada menguasai tempahan F&B yang dibuat dalam talian. The Straits Times (2017) melaporkan bahawa restoran telah melihat pendapatan meningkat sebanyak 15 peratus setelah bekerjasama dengan syarikat penghantaran makanan. Anggaran peringkat negara diperoleh berdasarkan pendapatan F&B domestik.	<ul style="list-style-type: none"> The Straits Times (2017)¹⁸⁵

PENDIDIKAN DAN LATIHAN

PENERANGAN	ANGGAPAN PENGUKURAN	SUMBER
1. PUSAT E-KERJAYA DAN PLATFORM PEKERJAAN DIGITAL		KENAIKAN KDNK
Penggunaan platform penyenaraian pekerjaan dalam talian dan pemadanan profil calon dengan pekerjaan yang tersedia berdasarkan algoritma	Diukur berdasarkan peningkatan kepada KDNK yang disumbangkan peningkatan kadar pekerjaan. Institusi Global McKinsey (2015) menganggarkan kesan terhadap kadar pekerjaan di negara yang berlainan, dengan menyatakan bahawa ia berbeza untuk setiap negara, dan ia bergantung pada ciri pasaran buruh, tahap pendidikan dan pendapatan serta trend demografi. Anggaran peringkat negara diperoleh berdasarkan kadar pekerjaan nasional, tenaga kerja dan KDNK per kapita.	<ul style="list-style-type: none"> Institusi Global McKinsey (2015)¹⁸⁶
2. PEMBELAJARAN YANG DIPERIBADIKAN		KENAIKAN KDNK
Penggunaan teknologi digital untuk memberi peluang pembelajaran peribadi dan jarak jauh kepada pelajar	Diukur berdasarkan peningkatan kepada KDNK yang disumbangkan peningkatan kadar pekerjaan. Institusi Global McKinsey (2018) menganggarkan bahawa pembelajaran yang diperibadikan akan meningkatkan kadar pekerjaan sebanyak 0.5 peratus di negara berpendapatan tinggi, dan 0.9 peratus di negara-negara lain. Klasifikasi tahap pendapatan negara adalah berdasarkan definisi Bank Dunia. Anggaran peringkat negara diperoleh berdasarkan kadar pekerjaan nasional, tenaga kerja dan KDNK per kapita.	<ul style="list-style-type: none"> Institusi Global McKinsey (2018)¹⁸⁷ Bank Dunia¹⁸⁸

184. Boston Consulting Group (2020), "Bionic Revenue Management in Travel and Tourism.[Pengurusan Hasil Bionik dalam Pelancongan.]" Terdapat di: <https://www.bcg.com/publications/2020/bionic-revenue-management-travel-tourism>

185. The Straits Times (2017), "Delivery sales drive up eateries' revenues [Jualan penghantaran meningkatkan pendapatan restoran]." Terdapat di: <https://www.straitstimes.com/business/delivery-sales-drive-up-eateries-revenues>

186. Institusi Global McKinsey (2015), A labour market that works: Connecting talent with opportunity in the digital age [Pasaran tenaga kerja yang berfungsi: Menghubungkan bakat dengan peluang dalam era digital]. Terdapat di: <https://www.mckinsey.com/featured-insights/employment-and-growth/connecting-talent-with-opportunity-in-the-digital-age>

187. Institusi Global McKinsey (2018), Smart cities: Digital solutions for a more liveable future [Bandar pintar: Penyelesaian digital untuk masa hadapan yang lebih sesuai didiami]. Terdapat di: <https://www.mckinsey.com/industries/capital-projects-and-infrastructure/our-insights/smart-cities-digital-solutions-for-a-more-liveable-future>

188. Bank Dunia (2018). Terdapat di: <https://blogs.worldbank.org/opendata/new-country-classifications>

PENDIDIKAN DAN LATIHAN (BERSAMBUNG)

PENERANGAN	ANGGAPAN PENGUKURAN	SUMBER
3. PROGRAM LATIHAN SEMULA DALAM TALIAN		KENAIKAN KDNK
Peluang pembelajaran sepanjang hayat yang disampaikan dalam format digital membantu individu memperoleh kemahiran baharu	Diukur berdasarkan peningkatan kepada KDNK yang disumbangkan peningkatan kadar pekerjaan. Institusi Global McKinsey (2018) menganggarkan bahawa program latihan semula dalam talian akan meningkatkan kadar pekerjaan sebanyak 0.1 peratus di negara-negara "berpendapatan tinggi", dan 0.3 peratus di negara-negara "berpendapatan sederhana". Anggaran peringkat negara diperoleh berdasarkan kadar pekerjaan nasional, tenaga kerja dan KDNK per kapita.	<ul style="list-style-type: none"> Institusi Global McKinsey (2018)¹⁸⁹ Bank Dunia¹⁹⁰

PERKHIDMATAN KEWANGAN

PENERANGAN	ANGGAPAN PENGUKURAN	SUMBER
1. ANALISIS DATA BESAR		PENINGKATAN PENDAPATAN
Peningkatan pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) pada margin yang lebih tinggi disebabkan data besar	Diukur berdasarkan pendapatan tambahan yang dijana daripada peningkatan peminjaman kepada PKS pada margin yang lebih tinggi. Institusi Global McKinsey (2014) menganggarkan bahawa pemberian pinjaman kepada PKS akan meningkat sebanyak 16 peratus hingga 33 peratus disebabkan oleh analisis data besar, dengan peningkatan margin antara 1.4 peratus hingga 1.8 peratus. Anggaran peringkat negara diperoleh berdasarkan jumlah pinjaman tahunan kepada PKS.	<ul style="list-style-type: none"> Institusi Global McKinsey (2014)¹⁹¹
2. PERKHIDMATAN PERBANKAN DIGITAL		PENJIMATAN KOS
Penggunaan Internet dan teknologi mudah alih untuk mengurangkan kos operasi dan risiko, dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan	Diukur berdasarkan penjimatan kos daripada pendigitalan seperti proses mengintegrasikan pelanggan secara elektronik, memanfaatkan pembelajaran mesin dan robotik untuk melangsungkan penambahbaikan operasi serta penggunaan infrastruktur awan awam bagi mengurangkan kapasiti pemprosesan. Institusi Global McKinsey (2019) menganggarkan bahawa kecekapan kos di Korea Selatan yang disebabkan oleh perkhidmatan perbankan digital adalah 1.5 peratus. Penjimatan kos anggaran pada peringkat negara diperoleh berdasarkan kos operasi sektor perbankan domestik.	<ul style="list-style-type: none"> Institusi Global McKinsey (2017)¹⁹²

189. Institusi Global McKinsey (2018), *Smart cities: Digital solutions for a more liveable future* [Bandar pintar: Penyelesaian digital untuk masa hadapan yang lebih sesuai didiami]. Terdapat di: <https://www.mckinsey.com/industries/capital-projects-and-infrastructure/our-insights/smart-cities-digital-solutions-for-a-more-livable-future>

190. Bank Dunia (2018). Terdapat di: <https://blogs.worldbank.org/opendata/new-country-classifications>

191. Institusi Global McKinsey (2014), *China's digital transformation: The Internet's impact on productivity and growth* [Transformasi digital China: Kesan Internet terhadap produktiviti dan pertumbuhan]. Terdapat di: <https://www.mckinsey.com/industries/high-tech/our-insights/chinas-digital-transformation>

192. Institusi Global McKinsey (2019), *Bracing for consolidation: The quest for scale* [Bersedia untuk penyatuhan: Pencarian skala].

Terdapat di: <https://www.mckinsey.com/~media/McKinsey/Industries/Financial%20Services/Our%20Insights/Bracing%20for%20consolidation%20in%20Asia%20Pacific%20banking%20The%20quest%20for%20scale/Asia-Pacific-Banking-Review-2019-vF.pdf>

PERKHIDMATAN KEWANGAN (BERSAMBUNG)

PENERANGAN	ANGGAPAN PENGUKURAN	SUMBER
3. TEKNOLOGI REG		PENINGKATAN PENDAPATAN
Penggunaan AI dan pembelajaran mesin untuk mengautomasikan tinjauan dokumen, analisis risiko dan tugas pematuhan berulang	Diukur berdasarkan penjimatan kos dalam pematuhan perbelanjaan yang disebabkan penambahbaikan dalam kecekapan yang dibawa teknologi ini. Juniper Research (2017) menganggarkan bahawa perbelanjaan pematuhan dapat dihapuskan hingga 50 peratus daripada penggunaan teknologi ini. KPMG (2013) menunjukkan bahawa perbelanjaan pematuhan secara purata telah menyumbang kepada sepuluh peratus daripada kos operasi bank. Anggaran penjimatan kecekapan peringkat negara diperoleh berdasarkan kos sektor perbankan domestik.	<ul style="list-style-type: none"> Juniper Research (2017)¹⁹³ KPMG (2013)¹⁹⁴

KERAJAAN

PENERANGAN	ANGGAPAN PENGUKURAN	SUMBER
1. PENGKOMPUTERAN AWAN		PENJIMATAN KOS
Penggunaan perisian berdasarkan awan untuk mengurangkan kos	Diukur berdasarkan anggaran penjimatan daripada perkomputeran awan, khususnya dalam mengurangkan kos perkakasan. InfoWorld (2019) melaporkan bahawa syarikat-syarikat memperoleh penjimatan kos antara 25 hingga 55 peratus setelah menggunakan awan. Anggaran peringkat negara diperoleh berdasarkan perbelanjaan ICT kerajaan dan kos perkakasan.	<ul style="list-style-type: none"> InfoWorld (2019)¹⁹⁵
2. E-PERKHIDMATAN		PENJIMATAN KOS
Pengurangan perbelanjaan pengurusan daripada menggunakan e-perkhidmatan	Diukur berdasarkan pengurangan perbelanjaan operasi daripada perkhidmatan bergerak dalam talian, e-borang cukai, ketersediaan data dan papan pemuka prestasi. Institusi Global McKinsey (2011) menganggarkan bahawa antara 15 peratus hingga 20 peratus perbelanjaan operasi dihapuskan di Eropah setelah menggunakan e-perkhidmatan. Kajian itu juga melaporkan bahawa asas yang dapat ditangani untuk pengurangan tersebut adalah sekitar 20 peratus hingga 25 peratus daripada perbelanjaan kerajaan. Anggaran peringkat negara diperoleh berdasarkan perbelanjaan operasi kerajaan.	<ul style="list-style-type: none"> Institusi Global McKinsey (2011)¹⁹⁶

193. Juniper Research (2017), How Reg Tech can save banks billions [Bagaimana Teknologi Reg dapat menyelamatkan berbilion-bilion untuk bank]. Terdapat di: <https://www.juniperresearch.com/document-library/white-papers/how-regtech-can-save-banks-billions>

194. KPMG (2013), The cost of compliance [Kos pematuhan]. Terdapat di: <https://home.kpmg.com/content/dam/kpmg/pdf/2014/07/Cost-of-Compliance.pdf>

195. InfoWorld (2019), "Can the cloud save you money? These companies say yes [Bolehkah awan menjimatkan wang anda? Syarikat-syarikat ini mengatakan ya]". Terdapat di: <https://www.infoworld.com/article/3445206/can-the-cloud-save-you-money-these-companies-say-yes.html>

196. Institusi Global McKinsey (2011), Big data: The next frontier for innovation, competition, and productivity [Data besar: Era seterusnya untuk inovasi, persaingan dan produktiviti]. Terdapat di: <https://www.mckinsey.com/business-functions/mckinsey-digital/our-insights/big-data-the-next-frontier-for-innovation>

KERAJAAN (BERSAMBUNG)

PENERANGAN	ANGGAPAN PENGUKURAN	SUMBER
3. E-PEROLEHAN		PENJIMATAN KOS
Penjimatan kos daripada menggunakan saluran e-perolehan	Diukur berdasarkan pengurangan kos transaksi yang disebabkan peralihan kepada sistem e-perolehan untuk projek-projek kerajaan. Di Korea Selatan, Perkhidmatan Perolehan Awam menganggarkan bahawa kerajaan telah menjimatkan USD8 bilion dalam kos transaksi setiap tahun melalui pengurangan kos tenaga kerja, pengurangan tempoh masa dan proses yang lebih lancar. Anggaran peringkat negara diperoleh berdasarkan jumlah perolehan awam.	<ul style="list-style-type: none"> Perkhidmatan Perolehan Awam¹⁹⁷
4. PUNGUTAN CUKAI YANG DIBOLEHKAN OLEH SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI		PENINGKATAN PUNGUTAN CUKAI
Penggunaan data besar dan maklumat berdasarkan lokasi untuk memperbaiki kutipan cukai	Diukur berdasarkan kenaikan cukai yang dikumpul daripada penggunaan data besar dan perkhidmatan yang menggunakan GIS. Di Brazil, kerajaan berjaya meningkatkan kutipan Cukai Persekutuan sekitar 13 peratus dengan menggunakan data besar dalam pengisytiharan cukai korporat audit. Anggaran peringkat negara diperoleh berdasarkan kadar pengelakan cukai negara sebagai peratusan KDNK berbanding dengan Brazil.	<ul style="list-style-type: none"> Bill & Melinda Gates Foundation dan AlphaBeta (2018)¹⁹⁸
5. ANALISIS DATA UNTUK PEMBAYARAN PINDAHAN KERAJAAN		PENJIMATAN KOS
Penggunaan analisis data dalam pembayaran pindahan kerajaan	Diukur berdasarkan pengurangan kos akibat penggunaan analisis data untuk menentukan penerima pemindahan pembayaran kerajaan yang layak. McKinsey & Company menganggarkan bahawa lima hingga sepuluh peratus pemindahan pembayaran kerajaan secara global adalah pembayaran yang tidak wajar yang dapat ditangani dengan menggunakan analisis data. Anggaran peringkat negara diperoleh berdasarkan KDNK negara.	<ul style="list-style-type: none"> McKinsey & Company (2017)¹⁹⁹

197. Perkhidmatan Perolehan Awam (2012), *e-Procurement Experience in Korea: Implementation and Impact* [Pengalaman e-Perolehan di Korea: Pelaksanaan dan Kesannya]. Terdapat di: <https://www.europarl.europa.eu/document/activities/cont/201207/20120710ATT48620/20120710ATT48620EN.pdf>

198. Bill & Melinda Gates Foundation dan AlphaBeta (2018), *Digital Innovation in Public Financial Management (PFM): Opportunities and implications for low-income countries* [Inovasi Digital dalam Pengurusan Kewangan Awam (PFM): Peluang dan implikasi untuk negara berpendapatan rendah]. Terdapat di: <https://www.alphabeta.com/wp-content/uploads/2018/07/pfm-technology-paper-long-version.pdf>

199 McKinsey & Company (2017), *Government productivity: Unlocking the \$3.5 trillion opportunity* [Produktiviti kerajaan: Membuka peluang sebanyak \$3.5 trilion].

Terdapat di: <https://www.mckinsey.com/~media/McKinsey/Industries/Public%20and%20Social%20Sector/Our%20Insights/The%20opportunity%20in%20government%20productivity/Government-Productivity-Unlocking-the-3-5-Trillion-Opportunity-Full-report.pdf?shouldIndex=false>

KESIHATAN

PENERANGAN	ANGGAPAN PENGUKURAN	SUMBER
1. PEMANTAUAN PESAKIT DARI JARAK JAUH		PENJIMATAN KOS
Aplikasi sistem pemantauan jarak jauh untuk memperbaiki penjagaan pesakit	Diukur berdasarkan penjimatan kos ke atas sistem penjagaan kesihatan melalui pengurangan lawatan ke hospital, tempoh penginapan pesakit dan prosedur perubatan. Institusi Global McKinsey (2013) menganggarkan bahawa sistem tersebut akan mengurangkan kunjungan ke hospital, tempoh penginapan pesakit dan jumlah prosedur yang berkaitan dengan penyakit kronik, sehingga mencatatkan penjimatan sebanyak sepuluh hingga 20 peratus ke atas sistem penjagaan kesihatan. Anggaran peringkat negara diperoleh daripada anggaran Bank Dunia untuk jumlah perbelanjaan penjagaan kesihatan dan bahagian perbelanjaan negara untuk penyakit kronik.	<ul style="list-style-type: none"> Institusi Global McKinsey (2013)²⁰⁰ Bank Dunia²⁰¹
2. APLIKASI TELEKESIHATAN		PENJIMATAN KOS
Penggunaan Internet dan teknologi mudah alih untuk perundingan perubatan	Diukur berdasarkan penjimatan kos ke atas sistem penjagaan kesihatan melalui pengurangan dalam kadar lawatan berjumpa doktor. Goldman Sachs (2015) menganggarkan bahawa sistem penjagaan kesihatan AS dapat menjimatkan USD100 bilion dengan menggunakan telekesihatan. Anggaran peringkat negara diperoleh berdasarkan perbelanjaan penjagaan kesihatan negara.	<ul style="list-style-type: none"> Goldman Sachs (2015)²⁰²
3. CAMPUR TANGAN KESIHATAN AWAM BERASASKAN DATA		KENAIKAN KDNK
Penggunaan analisis untuk mengarahkan intervensi kesihatan yang disasarkan untuk populasi berisiko	Diukur berdasarkan nilai ekonomi daripada pengurangan dalam tempoh hidup tanpa memerlukan penyesuaian yang disebabkan ketidakupayaan (DALY) kerana intervensi kesihatan awam yang datang tepat pada masanya. Institusi Global McKinsey (2018) menunjukkan bahawa kesan yang paling ketara dan dapat diukur adalah terhadap kesihatan ibu dan anak, serta sanitasi dan kebersihan awam. Ia menganggarkan pengurangan DALY sebanyak 0.4 peratus untuk negara-negara "berpendapatan tinggi", dan 1.5 peratus untuk negara-negara lain. Pendapatan negara yang dikelaskan adalah berdasarkan definisi Bank Dunia. Nilai ekonomi dianggap ini digandakan dengan KDNK per kapita, dan dianggarkan berdasarkan perkadaruan penduduk yang mempunyai penyakit kronik. Anggaran peringkat negara diperoleh berdasarkan ukuran populasi nasional dan KDNK per kapita.	<ul style="list-style-type: none"> Institusi Global McKinsey (2018)²⁰³ Bahagian Populasi PBB (2018)²⁰⁴ Bank Dunia²⁰⁵

200. Institusi Global McKinsey (2013), Disruptive technologies: Advances that will transform life, business, and the global economy [Teknologi gangguan: Kemajuan yang akan mengubah kehidupan, perniagaan, dan ekonomi global]. Terdapat di: <https://www.mckinsey.com/business-functions/digital-mckinsey/our-insights/disruptive-technologies>

201. Statistik Bank Dunia mengenai perbelanjaan kesihatan semasa. Terdapat di: <https://data.worldbank.org/indicator/SH.XPD.CHEX.GD.ZS>

202. Goldman Sachs (2015). The digital revolution comes to US healthcare [Revolusi digital datang ke penjagaan kesihatan AS]. Terdapat di: https://www.wur.nl/upload_mm/0/7/3/8fe8684c-2a84-4965-9dce-50584ae48c_Internet%20of%20Things%205%20-%20Digital%20Revolution%20Comes%20to%20US%20Healthcare.pdf

203. Institusi Global McKinsey (2018), Smart cities: Digital solutions for a more liveable future [Bandar pintar: Penyelesaian digital untuk masa hadapan yang lebih sesuai didiami]. Terdapat di: <https://www.mckinsey.com/industries/capital-projects-and-infrastructure/our-insights/smart-cities-digital-solutions-for-a-more-liveable-future>

204. Bahagian Populasi PBB (2018). Terdapat di: <https://esa.un.org/unpd/wpp/DataQuery/>

205. Bank Dunia (2018). Terdapat di: <https://blogs.worldbank.org/opendata/new-country-classifications>

KESIHATAN (BERSAMBUNG)

PENERANGAN	ANGGAPAN PENGUKURAN	SUMBER
4. PENGESANAN UBAT FARMASI PALSU		PENJIMATAN KOS
Penggunaan IoT dan analisis lanjutan untuk mengesan ubat palsu	Diukur berdasarkan penjimatan kos daripada pengurangan ubat-ubatan farmasi palsu di negara disebabkan peningkatan dalam kadar pengesanan. Pejabat Harta Intelek EU (2016) menganggarkan bahawa kos tahunan ubat farmasi palsu untuk industri farmaseutikal Eropah adalah EUR10 bilion. Institusi Global McKinsey (2013) menilai bahawa 30 peratus hingga 50 peratus daripada semua ubat yang dijual dapat ditangani oleh teknologi ini, dan bahawa kadar kejayaannya adalah antara 80 peratus hingga 100 peratus. Anggaran peringkat negara terhadap kos nasional ubat palsu diperoleh berdasarkan perbelanjaan penjagaan kesihatan negara.	<ul style="list-style-type: none"> Pejabat Harta Intelek EU (2016)²⁰⁶ Institusi Global McKinsey (2013)²⁰⁷
5. PERANTI PERUBATAN PINTAR DAN PERANTI BOLEH PAKAI		KENAIKAN KDNK
Menganalisis data merentasi implan bersambung, peranti perubatan pintar dan peranti boleh pakai dalam penjagaan peribadi dan ramalan	Diukur berdasarkan nilai ekonomi daripada pengurangan dalam tempoh hidup tanpa memerlukan penyesuaian yang disebabkan ketidakupayaan (DALY) yang disebabkan langkah-langkah memperbaik kesihatan yang didorong data daripada peranti-peranti ini. Institusi Global McKinsey (2018) menganggarkan bahawa alat perubatan pintar mengurangkan DALY sebanyak satu peratus di negara berpendapatan tinggi, dan 0.6 peratus di negara lain. Nilai ekonomi dianggap sebegini dan digandakan dengan KDNK per kapita. Klasifikasi tahap pendapatan negara adalah berdasarkan definisi Bank Dunia. Anggaran peringkat negara diperoleh berdasarkan ukuran populasi nasional dan KDNK per kapita, dan dianggarkan berdasarkan perkadaran penduduk yang menghidap penyakit kronik.	<ul style="list-style-type: none"> Institusi Global McKinsey (2018)²⁰⁸ Bahagian Populasi PBB (2018)²⁰⁹ Bank Dunia²¹⁰
6. REKOD PERUBATAN ELEKTRONIK		PENJIMATAN KOS
Penggunaan sistem rekod perubatan elektronik berasaskan awan	Diukur berdasarkan penjimatan secara keseluruhan (seperti penjimatan masa pegawai perubatan dan masa penjagaan) daripada menggunakan rekod kesihatan elektronik (EHR). Institusi Global McKinsey (2014) menganggarkan bahawa penggunaan rekod perubatan elektronik secara meluas dapat meningkatkan nilai ekonomi tahunan India sebanyak USD3 bilion. Kesan ekonomi global EHR dianggarkan berdasarkan bahagian India dalam perbelanjaan penjagaan kesihatan global. Anggaran peringkat negara diperoleh berdasarkan perbelanjaan perawatan kesihatan nasionalnya yang relatif dengan data Bank Dunia dan kadar pertumbuhan pasaran EHR global.	<ul style="list-style-type: none"> Institusi Global McKinsey (2014)²¹¹ Bank Dunia²¹² Penyelidikan Pasar Ketelusan²¹³

206. Pejabat Harta Intelek EU (2016), *The economic cost of IPR infringement in the pharmaceutical industry* [Kos ekonomi pelanggaran IPR dalam industri farmaseutikal]. Terdapat di: <https://euipo.europa.eu/ohimportal/en/web/observatory/ipr-infringement-pharmaceutical-sector>

207. Institusi Global McKinsey (2013), *Disruptive technologies: Advances that will transform life, business, and the global economy* [Teknologi gangguan: Kemajuan yang akan mengubah kehidupan, perniagaan, dan ekonomi global]. Terdapat di: <https://www.mckinsey.com/business-functions/digital-mckinsey/our-insights/disruptive-technologies>

208. Institusi Global McKinsey (2018), *Smart cities: Digital solutions for a more liveable future* [Bandar pintar: Penyelesaian digital untuk masa hadapan yang lebih sesuai didiami]. Terdapat di: <https://www.mckinsey.com/industries/capital-projects-and-infrastructure/our-insights/smart-cities-digital-solutions-for-a-more-liveable-future>

209. Bahagian Populasi PBB (2018). Terdapat di: <https://esa.un.org/unpd/wpp/DataQuery/>

210. Bank Dunia (2018). Terdapat di: <https://blogs.worldbank.org/opendata/new-country-classifications>

211. Institusi Global McKinsey (2014), *India's technology opportunity: Transforming work, empowering people* [Peluang teknologi India: Mentransformasi kerja, memperkasaakan insan]. Terdapat di: https://www.mckinsey.com/-/media/mckinsey/industries/technology%20media%20and%20telecommunications/high%20tech/our%20insights/indiastech%20opportunity%20transforming%20work%20empowering%20people/mgi%20india%20tech_full%20report_december%202014.pdf

212. Statistik Bank Dunia mengenai perbelanjaan kesihatan semasa. Terdapat di: <https://data.worldbank.org/indicator/SH.XPD.CHEX.GD.ZS>

213. Penyelidikan Pasar Ketelusan (2018), *"Electronic Health Records Market* [Pasaran Rekod Kesihatan Elektronik]".

Terdapat di: <https://www.transparencymarketresearch.com/electronic-health-records-market.html>

INFRASTRUKTUR

PENERANGAN	ANGGAPAN PENGUKURAN	SUMBER
1. GRID PINTAR		PENJIMATAN KOS
Penggunaan teknologi komunikasi digital untuk mengesan dan mengoptimumkan rangkaian elektrik	Diukur berdasarkan penjimatan kos daripada penjimatan tenaga disebabkan oleh penggunaan yang lebih rendah dan peningkatan kecekapan. The International Herald Tribune (2018) melaporkan bahawa jurutera menunjukkan penjimatan tenaga sebanyak lima hingga sepuluh peratus apabila grid pintar digunakan. Anggaran peringkat negara diperoleh berdasarkan jumlah penggunaan elektrik. Suruhanjaya Pembangunan Perniagaan dan Lestari (2017) menganggarkan bahawa harga elektrik borong purata global ialah USD100/Mwj.	<ul style="list-style-type: none"> The International Herald Tribune (2011)²¹⁴ Bank Dunia²¹⁵ Suruhanjaya Pembangunan Perniagaan dan Lestari (2017)²¹⁶
2. BIM 5D DAN TEKNOLOGI PENGURUSAN PROJEK		PENJIMATAN KOS
Penggunaan platform pemodelan bersepadu untuk mensimulasikan impak kos pembinaan dan garis masa dalam keputusan perancangan, reka bentuk, pembinaan, operasi, dan penyelenggaraan projek	Diukur berdasarkan pengurangan kos daripada peningkatan koordinasi antara parameter pembangunan yang berbeza, serta pemahaman mendalam yang berterusan yang diterima tentang kos projek. Institusi Global McKinsey (2013) menganggarkan bahawa penyelarasan penyampaian projek dapat menjimatkan sebanyak 15 peratus ke atas kos infrastruktur, dengan 15 peratus hingga 25 peratus penjimatan ini berasal daripada teknologi BIM 5D. Anggaran peringkat negara diperoleh berdasarkan kos sektor pembinaan domestik.	<ul style="list-style-type: none"> Institusi Global McKinsey (2013)²¹⁷ Prospek Infrastruktur Global²¹⁸

214. The International Herald Tribune (2011), "To build a better grid [Untuk membina grid yang lebih baik]".

Terdapat di: https://www.nytimes.com/2011/07/29/business/global/to-build-a-better-grid.html?_r=1&pagewanted=all

215. Statistik Bank Dunia mengenai penggunaan tenaga elektrik. Terdapat di: <https://data.worldbank.org/indicator/EG.USE.ELEC.KH.PC>

216. Suruhanjaya Pembangunan Perniagaan dan Lestari (2017). Valuing the SDG prize: Unlocking business opportunities to accelerate sustainable and inclusive growth [Menilai hadiah SDG: Membuka peluang perniagaan untuk mempercepat pertumbuhan lestari dan inklusif].

Terdapat di: <http://businesscommission.org/our-work/valuing-the-sdg-prize-unlocking-business-opportunities-to-accelerate-sustainable-and-inclusive-growth>

217. Institusi Global McKinsey (2013). Infrastructure productivity: How to save NZ\$1 trillion a year [Produktiviti infrastruktur: Cara untuk menjimatkan NZ \$ 1 trillion setahun].

Terdapat di: <https://www.mckinsey.com/industries/capital-projects-and-infrastructure/our-insights/infrastructure-productivity>

218. Prospek Infrastruktur Global mengenai ramalan keperluan dan jurang pelaburan infrastruktur. Terdapat di: <https://outlook.gihub.org/>

INFRASTRUKTUR (BERSAMBUNG)

PENERANGAN	ANGGAPAN PENGUKURAN	SUMBER
3. TEKNOLOGI PENYELENGGARAAN RAMALAN		PENJIMATAN KOS
Menggunakan data daripada sensor untuk memastikan penyelenggaraan diramal yang segera bagi meminimumkan gangguan	Diukur berdasarkan nilai ekonomi daripada manfaat aplikasi yang cukup besar seperti dan termasuk penyelenggaraan ramalan sistem transit awam dan pengesanan dan kawalan kebocoran air. Institusi Global McKinsey (2018) menganggarkan pengurangan sebanyak 2.3 peratus dalam waktu purata perjalanan daripada ramalan transit untuk negara "berpendapatan tinggi", dan 1.4 peratus untuk negara lain. Mengenai pengesanan dan kawalan kebocoran air, Institusi Global McKinsey (2018) menganggarkan pengurangan penggunaan air sebanyak 1.4 peratus untuk negara-negara "berpendapatan tinggi", dan anggaran peringkat negara digunakan di negara lain. Klasifikasi tahap pendapatan negara adalah berdasarkan definisi Bank Dunia. Suruhanjaya Pembangunan Perniagaan dan Lestari (2017) menganggarkan bahawa harga purata air global ialah USD0.90/m3. Anggaran peringkat negara diperoleh berdasarkan purata waktu perjalanan, penduduk, KDNK per kapita dan penggunaan air domestik.	<ul style="list-style-type: none"> Institusi Global McKinsey (2018)²¹⁹ Bank Dunia²²⁰ UNESCO-IHE (2011)²²¹ Suruhanjaya Pembangunan Perniagaan dan Lestari (2017)²²²
4. BANGUNAN PINTAR		PENJIMATAN KOS
Penggunaan rangkaian sensor fizikal, penyimpanan tenaga dan analisis data untuk meningkatkan kecekapan sumber bangunan dan mengurangkan penggunaan tenaga dan air, serta pelepasan karbon	Diukur berdasarkan nilai ekonomi yang disebabkan pengurangan emisi gas rumah hijau (GRH) dan pengurangan penggunaan air dengan membangunkan sistem automatik. Institusi Global McKinsey (2018) menganggarkan pengurangan sebanyak 2.9 peratus untuk pelepasan GRH dan 1.7 peratus pengurangan untuk penggunaan air untuk negara-negara "berpendapatan tinggi". Angka yang sepadan untuk negara lain ialah 1.4 peratus dan 1.1 peratus. Klasifikasi tahap pendapatan negara adalah berdasarkan definisi Bank Dunia. Anggaran peringkat negara diperoleh berdasarkan pelepasan gas rumah hijau dan penggunaan air dari bangunan. Suruhanjaya Pembangunan Perniagaan dan Lestari (2017) menganggarkan bahawa harga purata air global ialah USD0.90/m3 dan harga GRH bernilai sebanyak USD50/tan (harga proksi global yang hampir sama dengan insentif kewangan yang diperlukan untuk mencapai pelepasan karbon selaras dengan aliran 2 darjah).	<ul style="list-style-type: none"> Institusi Global McKinsey (2018)²²³ IPCC²²⁴ Bank Dunia²²⁵ Suruhanjaya Pembangunan Perniagaan dan Lestari (2017)²²⁶

219. Institusi Global McKinsey (2018), *Smart cities: Digital solutions for a more liveable future* [Bandar pintar: Penyelesaian digital untuk masa hadapan yang lebih sesuai didiami]. Terdapat di: <https://www.mckinsey.com/industries/capital-projects-and-infrastructure/our-insights/smarter-cities-digital-solutions-for-a-more-liveable-future>

220. Bank Dunia (2018). Terdapat di: <https://blogs.worldbank.org/opendata/new-country-classifications>

221. UNESCO-IHE (2011), National Water Footprint Accounts [Akaun Jejak Air Negara].

Terdapat di: <https://waterfootprint.org/media/downloads/Report50-NationalWaterFootprints-Vol1.pdf>

222. Suruhanjaya Pembangunan Perniagaan dan Lestari (2017), *Valuing the SDG prize: Unlocking business opportunities to accelerate sustainable and inclusive growth* [Menilai hadiah SDG: Membuka peluang perniagaan untuk mempercepat pertumbuhan lestari dan inklusif].

223. Institusi Global McKinsey (2018), *Smart cities: Digital solutions for a more liveable future* [Bandar pintar: Penyelesaian digital untuk masa hadapan yang lebih sesuai didiami]. Terdapat di: <https://www.mckinsey.com/industries/capital-projects-and-infrastructure/our-insights/smarter-cities-digital-solutions-for-a-more-liveable-future>

224. Anggaran IPCC mengenai pelepasan gas rumah hijau global. Terdapat di: <https://www.epa.gov/greenhouse-gas-emissions-data>

225. Bank Dunia (2018). Terdapat di: <https://blogs.worldbank.org/opendata/new-country-classifications>

226. Suruhanjaya Pembangunan Perniagaan dan Lestari (2017), *Valuing the SDG prize: Unlocking business opportunities to accelerate sustainable and inclusive growth* [Menilai hadiah SDG: Membuka peluang perniagaan untuk mempercepat pertumbuhan lestari dan inklusif].

PEMBUATAN

PENERANGAN	ANGGAPAN PENGUKURAN	SUMBER
1. ANALISIS DATA BESAR		PENINGKATAN PENDAPATAN
Penggunaan analisis data besar untuk peramalan permintaan dan perancangan bekalan	Diukur berdasarkan peningkatan pendapatan daripada padanan permintaan-penawaran yang lebih tepat yang menyebabkan kadar penjualan lebih tinggi. Institusi Global McKinsey (2011) menganggarkan peningkatan sebanyak 2.5 peratus hingga tiga peratus dalam margin keuntungan daripada analisis data besar untuk pembuatan. Anggaran peringkat negara diperoleh berdasarkan KDNK sektor pembuatan domestik.	<ul style="list-style-type: none"> Institusi Global McKinsey (2011)²²⁷
2. PEMBUATAN BAHAN TAMBAHAN		KEUNTUNGAN PRODUKTIVITI & PENJIMATAN KOS
Penggunaan percetakan 3D yang dinamik, cekap sumber dan teknologi yang berkaitan untuk membolehkan pembuatan 'tepat waktu' & pembuatan yang pantas	Diukur berdasarkan nilai ekonomi yang semakin bertambah disebabkan masa-ke-pasar yang lebih pantas yang dibolehkan penyesuaian prototaip dan reka bentuk yang lebih cepat, pengurangan masa pengeluaran, produktiviti bahan yang lebih tinggi serta proses penjualan yang lebih efisien disebabkan oleh penyesuaian produk. McKinsey & Company (2017) menganggarkan bahawa nilai ekonomi global teknologi ini dapat mencapai antara USD100 bilion hingga USD250 bilion menjelang 2025. Nilai ekonomi semasa dikira berdasarkan KDNK sektor pembuatan global hari ini, dan mengandaikan kadar pertumbuhan berterusan untuk ramalan tahun 2030. Anggaran peringkat negara diperoleh berdasarkan KDNK sektor pembuatan domestik sebagai sebahagian daripada angka global.	<ul style="list-style-type: none"> McKinsey & Company (2017)²²⁸
3. PENGURUSAN RANTAIAN BEKALAN YANG DIDAYAKAN OLEH IOT		PENJIMATAN KOS
